

**IV. KONVENSYEN GENEVA
TENTANG PERLINDUNGAN ORANG AWAM
PADA MASA PERANG BERTARIKH 12 OGOS 1949**

Bahagian I
PERUNTUKAN AM

Perkara 1

Penghormatan kepada Konvensyen

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi beraku janji untuk menghormati dan memastikan penghormatan kepada Konvensyen ini dalam segala hal keadaan.

Perkara 2

Pemakaian Konvensyen

Sebagai tambahan kepada peruntukan yang hendaklah dilaksanakan pada masa aman, Konvensyen ini hendaklah terpakai kepada semua hal perang yang diisytiharkan atau apa-apa konflik bersenjata lain yang timbul antara dua Pihak Pejanji Tertinggi atau lebih, walaupun keadaan perang tidak diiktiraf oleh salah satu daripada mereka.

Konvensyen ini juga hendaklah terpakai kepada semua hal pendudukan sebahagian atau keseluruhan wilayah sesuatu Pihak Pejanji Tertinggi, walaupun pendudukan tersebut tidak menghadapi tentangan bersenjata.

Walaupun satu daripada Kuasa yang berkonflik bukan suatu pihak kepada Konvensyen ini, Kuasa-kuasa yang menjadi pihak kepada Konvensyen ini hendaklah tetap terikat dengannya dalam hubungan sesama mereka. Mereka selanjutnya hendaklah terikat dengan Konvensyen ini dalam hubungan dengan Kuasa tersebut, jika Kuasa tersebut menerima dan memakai peruntukan Konvensyen ini.

Perkara 3

Konflik yang tidak bersifat antarabangsa

Dalam hal konflik bersenjata yang tidak bersifat antarabangsa yang berlaku di wilayah suatu Pihak Pejanji Tertinggi, setiap Pihak kepada konflik itu hendaklah terikat untuk memakai, sekurang-kurangnya, peruntukan berikut:

- (1) Orang yang tidak mengambil bahagian secara aktif dalam pertempuran itu, termasuk anggota angkatan tentera yang meletakkan senjata mereka dan *hors de combat* atas sebab kesakitan, kecederaan, penahanan atau apa-apa sebab lain, hendaklah dalam segala hal keadaan dilayan dengan perikemanusiaan, tanpa perbezaan yang memudaratkan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama atau kepercayaan, jantina, kelahiran atau kekayaan, atau apa-apa asas pertimbangan lain yang serupa.

Bagi maksud ini, tindakan berikut dilarang dan hendaklah tetap dilarang pada bila-bila masa dan di mana-mana jua berkenaan dengan orang yang tersebut di atas:

- (a) keganasan terhadap jiwa dan raga, khususnya segala bentuk pembunuhan, pencacatan, perlakuan kejam dan penderaan;
 - (b) pengambilan tebusan;
 - (c) pencabulan terhadap maruah peribadi, khususnya perlakuan yang memalukan dan merendahkan martabat;
 - (d) menjatuhkan hukuman dan melaksanakan hukuman mati tanpa penghakiman terlebih dahulu diumumkan oleh suatu mahkamah yang dibentuk secara teratur, yang memberikan segala jaminan keadilan yang diakui sebagai sangat diperlukan oleh bangsa yang bertamadun.
- (2) Mereka yang cedera dan sakit hendaklah diambil dan dijaga.

Suatu badan kemanusiaan berkecuali, seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, boleh menawarkan perkhidmatannya kepada Pihak-pihak kepada konflik itu.

Pihak-pihak yang berkonflik tersebut selanjutnya harus berusaha untuk menguatkuasakan, melalui perjanjian khas, semua atau sebahagian daripada peruntukan Konvensyen ini.

Pemakaian peruntukan yang terdahulu hendaklah tidak menjejaskan kedudukan undang-undang Pihak-pihak kepada konflik itu.

Perkara 4

Takrif orang yang dilindungi

Orang dilindungi oleh Konvensyen ini ialah mereka yang pada sesuatu masa dan dalam apa-apa jua cara sekalipun, mendapati diri mereka, dalam sesuatu konflik atau pendudukan, berada bawah kuasa suatu Pihak yang berkonflik atau Kuasa yang Menduduki yang bukan kerakyatan mereka.

Rakyat sesebuah Negara yang tidak terikat dengan Konvensyen ini tidak dilindungi oleh Konvensyen ini. Rakyat sesebuah Negara berkecuali yang mendapati diri mereka berada di wilayah sesebuah Negara berperang, dan rakyat sesebuah Negara yang turut berperang, tidak akan dianggap sebagai orang dilindungi selagi Negara kerakyatan mereka mempunyai perwakilan diplomatik di Negara yang mereka berada bawah kuasanya.

Walau bagaimanapun, pemakaian peruntukan Bahagian II adalah lebih luas, seperti yang ditafsirkan dalam Perkara 13.

Orang yang dilindungi bawah Konvensyen Geneva tentang Penambahbaikan Keadaan Angkatan Tentera di Medan Perang yang Cedera dan Sakit bertarikh 12 Ogos 1949, atau Konvensyen Geneva tentang Penambahbaikan Keadaan Angkatan Tentera di Laut yang Cedera, Sakit dan Mangsa Kapal Karam bertarikh 12 Ogos 1949, atau oleh Konvensyen Geneva berkaitan dengan Layanan Tawanan Perang bertarikh 12 Ogos 1949, tidak dianggap sebagai orang yang dilindungi bagi maksud Konvensyen ini.

Perkara 5

Pengurangan

Jika, di wilayah sesuatu Pihak yang berkonflik, Pihak itu berpuas hati bahawa seseorang individu yang dilindungi jelas disyaki melakukan atau terlibat dalam kegiatan yang mengancam keselamatan Negara itu, individu tersebut tidak berhak menuntut hak dan keistimewaan bawah Konvensyen ini yang, jika digunakan dengan cara yang menguntungkan individu tersebut, akan menjejaskan keselamatan Negara tersebut.

Jika, di sesuatu wilayah yang diduduki seseorang individu yang dilindungi ditahan sebagai perisik atau pensabotaj, atau sebagai orang yang jelas disyaki terlibat dalam kegiatan yang mengancam keselamatan Kuasa yang Menduduki, orang tersebut hendaklah, dalam hal yang keselamatan tentera mutlak menghendakinya, dianggap sebagai kehilangan hak untuk berkomunikasi menurut Konvensyen ini.

Walau bagaimanapun, dalam setiap keadaan, orang tersebut hendaklah dilayan dengan perikemanusiaan, dan dalam perbicaraan, tidak dilucutkan hak daripada perbicaraan yang adil dan teratur seperti yang diperuntukkan bawah Konvensyen ini. Mereka juga hendaklah diberi hak dan keistimewaan penuh bagi orang yang dilindungi bawah Konvensyen pada tarikh yang terawal selaras dengan keselamatan Negara atau Kuasa yang Menduduki, mengikut keadaan yang terpakai.

Perkara 6

Permulaan dan penamatan pemakaian

Konvensyen ini hendaklah terpakai dari permulaan apa-apa konflik atau pendudukan sepertimana yang disebut dalam Perkara 2.

Di wilayah Pihak-pihak yang berkonflik, pemakaian Konvensyen ini hendaklah berhenti pada penutupan am operasi ketenteraan.

Dalam hal wilayah yang diduduki, pemakaian Konvensyen ini hendaklah berhenti dalam tempoh setahun selepas penutupan operasi tentera secara am; walau bagaimanapun, Kuasa yang Menduduki hendaklah terikat, sepanjang tempoh pendudukan tersebut dan setakat yang Kuasa tersebut menjalankan

fungsi kerajaan di wilayah tersebut, pada peruntukan bawah Perkara Konvensyen ini yang berikut: 1 hingga 12, 27, 29 hingga 34, 47, 49, 51, 52, 53, 59, 61 hingga 77, dan 143.

Orang dilindungi yang pembebasannya, pemulangan semulanya atau penetapan semulanya berlaku selepas tarikh tersebut sementara itu hendaklah terus mendapat manfaat bawah Konvensyen ini.

Perkara 7

Perjanjian khas

Sebagai tambahan kepada perjanjian yang diperuntukkan secara nyata bawah Perkara 11, 14, 15, 17, 36, 108, 109, 132, 133, dan 52, Pihak-pihak Pejanji Tertinggi boleh memuktamadkan perjanjian khas yang lain bagi semua perkara yang mereka anggap sesuai untuk diperuntukkan secara berasingan. Tiada perjanjian khas yang boleh memudaratkan keadaan orang yang dilindungi, sebagaimana yang ditakrifkan bawah Konvensyen ini, mahupun yang menyekat hak yang Konvensyen ini berikan kepada mereka.

Orang yang dilindungi hendaklah tetap mendapat manfaat daripada perjanjian tersebut selagi Konvensyen ini terpakai kepada mereka, kecuali jika peruntukan nyata yang bertentangan terkandung dalam perjanjian tersebut atau perjanjian selanjutnya, atau jika langkah yang lebih menguntungkan mereka diambil oleh satu Pihak yang berkonflik atau yang lain.

Perkara 8

Ketidakbolehan menolak hak

Orang yang dilindungi dalam apa-apa jua keadaan tidak boleh melepaskan sebahagian atau kesemua hak yang dijamin kepada mereka oleh Konvensyen ini, dan oleh perjanjian khas yang dirujuk dalam Perkara terdahulu, jika ada.

Perkara 9

Kuasa Pelindung

Konvensyen ini hendaklah dipakai dengan kerjasama dan bawah penelitian Kuasa Pelindung yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan Pihak-pihak yang berkonflik. Bagi tujuan ini, Kuasa Pelindung boleh melantik, di samping kakitangan diplomatik atau konsular mereka, ahli delegasi dalam kalangan rakyat mereka atau rakyat Kuasa-kuasa berkecuali yang lain. Ahli delegasi tersebut hendaklah mendapat kelulusan Kuasa yang mana mereka akan menjalankan kewajipan mereka.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah memudahkan, setakat yang boleh, tugas wakil atau ahli delegasi Kuasa Pelindung.

Wakil dan ahli delegasi Kuasa Pelindung hendaklah dalam apa-apa jua keadaan tidak melampaui misi mereka bawah Konvensyen ini. Mereka hendaklah secara khususnya mengambil kira keperluan keselamatan mustahak bagi Negara di mana mereka menjalankan kewajipan mereka.

Perkara 10

Kegiatan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah

Peruntukan Konvensyen ini bukan penghalang bagi kegiatan kemanusiaan yang Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau pertubuhan kemanusiaan saksama lain boleh, tertakluk pada persetujuan Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan, jalankan untuk perlindungan orang awam dan untuk membantu mereka.

Perkara 11

Pengganti Kuasa Pelindung

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi pada bila-bila masa boleh bersetuju untuk mewakilkan suatu pertubuhan antarabangsa yang memberikan semua jaminan

kesaksamaan dan keberkesanan kewajipan Kuasa Pelindung menurut Konvensyen ini.

Apabila orang yang dilindungi oleh Konvensyen ini tidak mendapat atau tidak lagi mendapat manfaat, tidak kira apa-apa jua sebabnya, daripada kegiatan suatu Kuasa Pelindung atau pertubuhan antarabangsa sebagaimana yang diperuntukkan dengan jelas dalam perenggan pertama di atas, Kuasa Penahan hendaklah membuat permintaan kepada suatu Negara berkecuali, atau kepada pertubuhan antarabangsa tersebut, supaya menjalankan fungsi bawah Konvensyen ini yang dijalankan oleh suatu Kuasa Pelindung yang telah dilantik oleh Pihak-pihak yang berkonflik.

Jika perlindungan tersebut tidak dapat diatur, Kuasa Penahan hendaklah membuat permintaan atau menerima, tertakluk pada peruntukan Perkara ini, tawaran perkhidmatan daripada suatu pertubuhan kemanusiaan, seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, untuk mengambil alih fungsi kemanusiaan yang dijalankan oleh Kuasa Pelindung bawah Konvensyen ini.

Mana-mana Kuasa berkecuali, atau mana-mana pertubuhan yang dijemput oleh Kuasa berkenaan atau yang membuat tawaran untuk tujuan tersebut, hendaklah bertindak dengan rasa tanggungjawab terhadap Pihak yang berkonflik yang orang dilindungi bawah Konvensyen ini bergantung, dan hendaklah memberikan jaminan yang cukup bahawa pihaknya berupaya untuk menjalankan fungsi yang sesuai dan saksama.

Tiada pengurangan daripada peruntukan sebelum ini boleh diambil melalui perjanjian khas antara Kuasa-kuasa yang salah satunya dihadkan, walaupun sementara, kebebasan untuk berunding dengan Kuasa yang satu lagi atau sekutunya atas sebab kejadian ketenteraan, terutamanya jika seluruh atau sebahagian besar wilayah Kuasa tersebut diduduki.

Setiap kali dalam Konvensyen ini sebutan dibuat tentang suatu Kuasa Pelindung, sebutan itu juga terpakai kepada pertubuhan pengganti dalam erti kata Perkara ini.

Peruntukan Perkara ini hendaklah dipanjangkan dan disesuaikan pemakaiannya kepada hal rakyat sesebuah Negara berkecuali yang berada di wilayah yang diduduki atau yang mendapati diri mereka berada di wilayah sesebuah Negara berperang yang Negara mereka tiada perwakilan diplomatik yang biasa.

Perkara 12

Tatacara pendamaian

Dalam hal yang mereka anggap wajar demi kepentingan orang yang dilindungi, terutamanya dalam hal percanggahan pendapat antara Pihak-pihak yang berkonflik tentang pemakaian atau tafsiran peruntukan Konvensyen ini, Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah menghulurkan jasa baik mereka untuk menyelesaikan percanggahan pendapat tersebut.

Bagi tujuan ini, setiap Kuasa Pelindung boleh, sama ada atas jemputan suatu Pihak atau atas inisiatif sendiri, mencadangkan kepada Pihak-pihak yang berkonflik suatu pertemuan antara wakil mereka, terutamanya pihak berkuasa yang bertanggungjawab kepada orang dilindungi, yang boleh diadakan di wilayah berkecuali yang dipilih dengan sewajarnya. Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah melaksanakan cadangan yang diajukan kepada mereka bagi tujuan ini. Kuasa-kuasa Pelindung boleh, jika perlu, mencadangkan untuk kelulusan Pihak-pihak yang berkonflik, seseorang yang Kuasa berkecuali beri kuasa atau yang Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah wakikan, yang hendaklah dijemput untuk mengambil bahagian dalam pertemuan tersebut.

Bahagian II

PERLINDUNGAN AM KEPADA PENDUDUK DARIPADA AKIBAT PERANG TERTENTU

Perkara 13

Ruang lingkup pemakaian Bahagian II

Peruntukan Bahagian II merangkumi semua penduduk negara yang berkonflik, tanpa perbezaan yang memudaratkan berdasarkan, terutamanya, bangsa, kerakyatan, agama atau pendapat politik, dan bertujuan mengurangkan penderitaan akibat peperangan.

Perkara 14

Zon dan penempatan selamat dan hospital

Pada masa aman, Pihak-pihak Pejanji Tertinggi dan, selepas meletusnya pertempuran, Pihak-pihak kepadanya, boleh mengadakan di wilayah mereka sendiri dan, jika perlu, di kawasan yang diduduki, zon hospital dan keselamatan dan penempatan yang diaturkan untuk memberikan perlindungan daripada kesan perang ke atas orang yang cedera, sakit dan orang tua, kanak-kanak bawah umur lima belas tahun, ibu mengandung dan ibu bagi kanak-kanak bawah umur tujuh tahun.

Apabila meletusnya dan semasa pertempuran, Pihak-pihak yang berkenaan boleh memuktamadkan perjanjian tentang pengiktirafan bersama bagi zon dan penempatan yang diwujudkan oleh mereka. Mereka boleh, bagi tujuan ini, melaksanakan peruntukan Draf Perjanjian yang dilampirkan dalam Konvensyen ini, dengan pindaan sebagaimana yang mereka anggap perlu.

Kuasa-kuasa Pelindung dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dijemput untuk menyumbangkan jasa baik mereka dalam memudahkan penubuhan serta pengiktirafan zon dan penempatan hospital dan keselamatan tersebut.

Perkara 15

Zon yang dikecualikan

Mana-mana Pihak yang berkonflik boleh, secara terus atau melalui sesebuah negara berkecuali atau melalui sesuatu pertubuhan kemanusiaan,

mencadangkan kepada Pihak yang bertentangan untuk menetapkan, di rantau-rantau yang pertempuran sedang berlaku, zon berkecuali yang bertujuan memberikan perlindungan daripada kesan peperangan kepada orang berikut, tanpa perbezaan antara:

- (a) penempur atau bukan penempur yang cedera dan yang sakit.
- (b) orang awam yang tidak mengambil bahagian dalam pertempuran, dan yang, semasa mereka tinggal di zon itu, tidak melakukan kerja yang bersifat ketenteraan.

Apabila Pihak-pihak berkenaan bersetuju tentang kedudukan geografi, pentadbiran, bekalan makanan dan pengawasan zon berkecuali yang dicadangkan, suatu perjanjian bertulis hendaklah dimuktamadkan dan ditandatangani oleh wakil Pihak-pihak yang berkonflik. Perjanjian itu hendaklah menetapkan permulaan dan tempoh pengecualian zon itu.

Perkara 16

Cedera dan sakit

I. Perlindungan am

Orang cedera dan sakit, dan juga yang lemah, serta ibu mengandung hendaklah menjadi sasaran perlindungan dan penghormatan khas.

Setakat pertimbangan ketenteraan membenarkan, setiap Pihak yang berkonflik hendaklah memudahkan langkah yang diambil untuk mencari orang yang terbunuh dan cedera, untuk membantu mangsa kapal karam dan orang lain yang terdedah kepada bahaya besar, dan untuk melindungi mereka daripada perampasan dan layanan jahat.

Perkara 17

II. Pengosongan

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah berusaha untuk memuktamadkan perjanjian tempatan bagi pemindahan, dari kawasan yang dikepung dan dikelilingi, orang yang cedera, sakit, lemah dan tua, kanak-kanak dan kes bersalin, dan bagi laluan petugas semua agama, kakitangan perubatan dan peralatan perubatan dalam perjalanan ke kawasan tersebut.

Perkara 18

III. Perlindungan hospital

Hospital awam yang diatur untuk memberikan penjagaan kepada yang cedera dan sakit, lemah dan kes bersalin, tidak boleh dalam apa-apa keadaan sekalipun menjadi sasaran serangan, tetapi hendaklah pada setiap masa dihormati dan dilindungi oleh Pihak-pihak yang berkonflik.

Negara yang menjadi Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah menyediakan kepada semua hospital awam, sijil pengesahan yang menunjukkan bahawa hospital tersebut ialah hospital awam dan bahawa bangunan yang mereka duduki itu tidak digunakan untuk apa-apa tujuan yang boleh melucutkan perlindungan kepada hospital menurut Perkara 19.

Hospital awam hendaklah ditandakan dengan menggunakan lambang yang diperuntukkan bawah Perkara 38 Konvensyen Geneva tentang Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949, tetapi hanya jika diberi kuasa oleh Negara tersebut.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah, setakat pertimbangan ketenteraan membenarkan, mengambil langkah yang perlu supaya lambang pembeza yang menunjukkan hospital awam dapat dilihat dengan jelas oleh tentera darat, udara atau laut musuh untuk menghindarkan kemungkinan apa-apa tindakan permusuhan.

Memandangkan bahaya yang boleh menyebabkan hospital terdedah kerana kedudukannya yang berhampiran dengan sasaran ketenteraan, disyorkan supaya hospital tersebut ditempatkan sejauh mungkin dari sasaran tersebut.

Perkara 19

Penamatan perlindungan hospital

Perlindungan yang menjadi hak hospital awam tidak berakhir melainkan jika ia digunakan untuk melakukan, di luar kewajipan kemanusiaan mereka, tindakan yang memudaratkan musuh. Walau bagaimanapun, perlindungan boleh ditamatkan hanya selepas amaran yang sewajarnya diberikan; menetapkan, dalam semua keadaan yang sesuai, had masa yang munasabah; dan selepas amaran tersebut masih tidak diendahkan.

Kenyataan bahawa anggota tentera yang sakit atau cedera dirawat di hospital ini, atau tnya senjata ringan dan peluru yang diambil daripada penempur tersebut yang belum diserahkan kepada perkhidmatan sebenar hendaklah tidak dianggap sebagai tindakan yang memudaratkan musuh.

Perkara 20

Kakitangan hospital

Orang yang secara kerap dan khusus terlibat dalam operasi dan pentadbiran hospital awam, termasuk kakitangan yang terlibat dalam usaha mencari, mengalih dan mengangkut, dan memberikan penjagaan kepada orang awam yang cedera dan sakit, lemah dan dalam kes bersalin, hendaklah dihormati dan dilindungi.

Di wilayah yang diduduki dan di zon operasi ketenteraan, kakitangan di atas hendaklah diiktiraf melalui kad pengenalan yang mengesahkan status mereka, dan menunjukkan gambar pemegang kad dan hendaklah diletakkan cap pihak berkuasa yang bertanggungjawab, dan juga melalui gelang lengan bercap dan kalis air yang hendaklah dipakai oleh mereka pada lengan kiri semasa menjalankan kewajipan mereka. Gelang lengan ini hendaklah dikeluarkan oleh Negara tersebut dan hendaklah mengandungi lambang yang diperuntukkan bawah Konvensyen Geneva tentang Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

Kakitangan lain yang terlibat dalam operasi dan pentadbiran hospital awam berhak untuk dihormati dan dilindungi dan untuk memakai gelang lengan sebagaimana yang diperuntukkan dan menurut syarat yang diperihalkan bawah Perkara ini, selagi mereka menjalankan kewajipan tersebut. Kad pengenalan mereka hendaklah menyatakan kewajipan atas dasar yang mereka diambil bekerja.

Pihak pengurusan setiap hospital hendaklah sentiasa memegang senarai kakitangan tersebut yang dikemas kini untuk kegunaan pihak berkuasa kebangsaan yang berwibawa atau yang menduduki.

Perkara 21

Pengangkutan darat dan laut

Konvoi kenderaan atau kereta api hospital di darat atau kapal khas di laut, yang mengangkut orang awam yang cedera dan sakit, lemah dan dalam kes bersalin hendaklah dihormati dan dilindungi dengan cara yang sama seperti hospital, yang diperuntukkan bawah Perkara 18, dan hendaklah ditandakan, dengan keizinan Negara itu, dengan lambang pembeza yang diperuntukkan bawah Perkara 38 Konvensyen Geneva tentang Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

Perkara 22

Pengangkutan udara

Pesawat udara yang digunakan semata-mata untuk mengalihkan orang awam yang cedera dan sakit, lemah dan kes bersalin, atau untuk pengangkutan kakitangan dan peralatan perubatan tidak boleh diserang, tetapi hendaklah dihormati semasa penerbangan pada ketinggian, masa dan perjalanan yang dipersetujui secara khusus antara semua Pihak yang berkonflik berkenaan.

Pesawat udara tersebut boleh ditandakan dengan jelas dengan lambang pembeza yang diperuntukkan bawah Perkara 38 Konvensyen Geneva tentang

Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

Melainkan jika dipersetujui sebaliknya, penerbangan di wilayah musuh atau wilayah yang diduduki oleh musuh dilarang.

Pesawat udara tersebut hendaklah mematuhi setiap arahan untuk mendarat. Jika berlaku pendaratan sepertimana pesawat itu diarahkan, pesawat bersama penumpangnya boleh meneruskan penerbangan selepas pemeriksaan, jika ada.

Perkara 23

Kiriman bekalan perubatan, makanan dan pakaian

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi hendaklah membenarkan laluan bebas kepada semua kiriman stor perubatan dan hospital dan alat keperluan ibadat untuk hanya orang awam Pihak Pejanji Tertinggi yang lain, walaupun Pihak Pejanji Tertinggi itu musuhnya. Pihak Pejanji Tertinggi tersebut juga hendaklah membenarkan laluan bebas kepada semua kiriman bahan makanan yang perlu, pakaian dan tonik untuk kanak-kanak bawah umur lima belas tahun, ibu mengandung dan dalam kes bersalin.

Kewajipan suatu Pihak Pejanji Tertinggi untuk membenarkan laluan bebas kepada kiriman tersebut dalam perenggan terdahulu tertakluk pada syarat bahawa Pihak itu berpuas hati bahawa tiada sebab serius untuk khuatir:

- (a) bahawa kiriman boleh dilencongkan daripada destinasiya
- (b) bahawa kawalan tidak berkesan, atau
- (c) bahawa suatu kelebihan pasti boleh terakru pada usaha ketenteraan atau ekonomi musuh melalui penggantian kiriman tersebut dengan barang yang sebaliknya akan dibekalkan atau dikeluarkan oleh musuh itu atau melalui pelepasan bahan, perkhidmatan atau kemudahan yang sebaliknya diperlukan untuk pengeluaran barang tersebut.

Kuasa yang membenarkan laluan kiriman tersebut dalam perenggan pertama Perkara ini boleh menjadikan kebenaran tersebut disyaratkan atas

dasar bahawa pengagihan kiriman kepada orang yang menerima manfaat daripadanya dibuat bawah pengawasan setempat Kuasa Pelindung.

Kiriman itu hendaklah dilanjutkan secepat mungkin, dan Kuasa yang membenarkan laluan berhak untuk mengenakan aturan teknikal yang dibenarkan bagi laluan tersebut.

Perkara 24

Langkah tentang kebajikan kanak-kanak

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa kanak-kanak bawah umur lima belas tahun, yang yatim atau terpisah daripada keluarga mereka akibat peperangan, tidak dibiarkan hidup bersendirian, dan bahawa penyenggaraan mereka, amalan agama mereka dan pendidikan mereka dipermudah dalam semua keadaan. Pendidikan mereka hendaklah, setakat yang boleh, diamanahkan kepada orang yang mempunyai tradisi budaya yang sama.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah memudahkan penerimaan kanak-kanak tersebut di sesebuah negara berkecuali sepanjang tempoh konflik dengan keizinan Kuasa Pelindung, jika ada, dan dengan langkah penjagaan sewajarnya untuk pematuhan prinsip yang dinyatakan dalam perenggan pertama.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah, sebagai tambahan, berusaha untuk mengaturkan supaya semua kanak-kanak bawah umur dua belas tahun boleh dikenal pasti dengan pemakaian cakera pengenalan, atau dengan cara yang lain.

Perkara 25

Berita keluarga

Semua orang di wilayah suatu Pihak yang berkonflik, atau di wilayah yang diduduki oleh suatu Pihak yang berkonflik, hendaklah dibolehkan untuk menghantar khabar berita yang amat peribadi kepada ahli keluarga mereka, di mana-mana pun keluarga itu berada, dan untuk menerima khabar berita

daripada mereka. Surat ini hendaklah dilanjutkan dengan cepat dan tanpa kelengahan tak wajar.

Jika, oleh sebab keadaan, pertukaran surat kekeluargaan melalui pos biasa menjadi sukar atau mustahil, Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan hendaklah memohon kepada suatu perantara berkecuali, seperti Agensi Pusat yang diperuntukkan bawah Perkara 140, dan hendaklah memutuskan dalam rundingan dengannya tentang cara untuk memastikan kewajipan mereka dapat dipenuhi dalam keadaan terbaik, terutamanya dengan kerjasama Persatuan Palang Merah (Bulan Sabit Merah, Singa dan Matahari Merah) Kebangsaan.

Jika Pihak-pihak yang berkonflik menganggap perlu untuk menghadkan surat-menyurat kekeluargaan, hal tersebut hendaklah dihadkan kepada penggunaan wajib borang piawai yang mengandungi dua puluh lima perkataan yang dipilih secara bebas, dan kepada had bilangan borang ini dihantar kepada seseorang setiap bulan.

Perkara 26

Keluarga terpisah

Setiap Pihak yang berkonflik hendaklah memudahkan pertanyaan yang dikemukakan oleh ahli keluarga yang terpisah akibat peperangan, dengan tujuan mengeratkan hubungan antara satu sama lain dan untuk bertemu, jika boleh. Setiap Pihak yang berkonflik hendaklah menggalakkan, terutamanya kerja pertubuhan yang terlibat dalam tugas ini dengan syarat mereka boleh menerimanya dan mematuhi peraturan keselamatannya.

Bahagian III

STATUS DAN LAYANAN TERHADAP ORANG YANG DILINDUNGI

Seksyen I

PERUNTUKAN BAGI WILAYAH PIHAK-PIHAK YANG BERKONFLIK DAN WILAYAH DIDUDUKI YANG SAMA

Perkara 27

Layanan

I. Pemerhatian am

Orang yang dilindungi berhak, dalam semua keadaan, untuk dihormati tubuh mereka, maruah mereka, hak kekeluargaan mereka, kepercayaan dan amalan keagamaan mereka, serta adab dan adat mereka. Mereka hendaklah pada setiap masa dilayan dengan perikemanusiaan, dan hendaklah dilindungi terutamanya daripada segala perbuatan keganasan atau ancaman berkenaan dengannya, serta daripada penghinaan dan rasa ingin tahu awam.

Wanita hendaklah terutamanya dilindungi daripada apa-apa serangan terhadap maruah mereka, terutamanya daripada rogol, pelacuran secara paksa, atau apa-apa bentuk serangan sumbang.

Tanpa prasangka akan peruntukan berkaitan dengan keadaan kesihatan, umur dan jantina, semua orang dilindungi hendaklah dilayan dengan pertimbangan sama oleh Pihak yang berkonflik dalam kuasa yang mereka berada, tanpa apa-apa perbezaan memudaratkan berdasarkan, terutamanya, bangsa, agama atau pendapat politik.

Walau bagaimanapun, Pihak-pihak yang berkonflik boleh mengambil langkah kawalan dan keselamatan berkenaan dengan orang dilindungi, sebagaimana yang perlu akibat peperangan.

Perkara 28

II. Zon bahaya

Kehadiran orang dilindungi tidak boleh digunakan untuk membuatkan sesuatu tempat atau kawasan kebal daripada operasi ketenteraan.

Perkara 29

III. Tanggungjawab

Pihak yang berkonflik yang dalam tangannya orang dilindungi mungkin berada, bertanggungjawab atas layanan yang diberikan kepada mereka oleh ejen-ejenjnya, tanpa mengira apa-apa tanggungjawab individu yang mungkin juga terakru.

Perkara 30

Pemakaian kepada Kuasa Pelindung dan pertubuhan bantuan

Orang dilindungi hendaklah mempunyai segala kemudahan untuk mengemukakan permohonan kepada Kuasa-kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, Persatuan Kebangsaan Palang Merah (Bulan Sabit Merah, Singa dan Matahari Merah) di negara yang mereka mungkin berada, begitu juga mana-mana pertubuhan yang boleh membantu mereka.

Pertubuhan tersebut hendaklah diberi semua kemudahan bagi tujuan tersebut oleh Pihak-pihak berkuasa, dalam lingkungan batas yang ditetapkan berdasarkan pertimbangan ketenteraan atau keselamatan.

Selain lawatan ahli delegasi Kuasa-kuasa Pelindung dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah yang diperuntukkan dalam Perkara 143, Kuasa-Kuasa Penahan atau yang Menduduki hendaklah memudahkan sebanyak mungkin lawatan kepada orang dilindungi oleh wakil pertubuhan lain yang bertujuan memberikan bantuan kerohanian atau kebendaan kepada orang tersebut.

Perkara 31

Larangan paksaan

Tiada paksaan fizikal atau moral boleh dikenakan pada orang dilindungi, terutamanya untuk memperoleh maklumat daripada mereka atau daripada pihak ketiga.

Perkara 32

Larangan hukuman dera, penyeksaan dsb

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi bersetuju secara khusus bahawa masing-masing dilarang daripada mengambil apa-apa langkah yang sifatnya boleh menyebabkan penderitaan jasmani atau penghapusan orang dilindungi yang berada dalam tangan mereka. Larangan ini terpakai bukan sahaja kepada pembunuhan, penyeksaan, hukuman sebat, pencacatan dan uji kaji perubatan atau sains yang tidak diperlukan dalam rawatan perubatan seseorang yang dilindungi, tetapi juga terpakai kepada apa-apa langkah kekejaman yang lain, sama ada dilakukan oleh ejen awam atau ketenteraan.

Perkara 33

Tanggungjawab peribadi, denda beramai-ramai, perampasan, lawan balas

Orang yang dilindungi tidak boleh dihukum untuk sesuatu kesalahan yang bukan dia sendiri lakukan. Hukuman beramai-ramai dan begitu juga semua langkah gertakan atau keganasan adalah dilarang.

Perampasan adalah dilarang.

Tindakan lawan balas terhadap orang dilindungi dan harta bendanya adalah dilarang.

Perkara 34

Tebusan

Pengambilan tebusan adalah dilarang.

SEKSYEN II

ORANG ASING DALAM WILAYAH PIHAK YANG BERKONFLIK

Perkara 35

Hak untuk meninggalkan wilayah

Semua orang dilindungi yang berhasrat untuk meninggalkan wilayah pada permulaan, atau semasa berlakunya konflik, berhak untuk berbuat demikian kecuali apabila keberangkatan mereka itu bercanggah daripada kepentingan Negara tersebut. Permohonan orang tersebut untuk meninggalkan wilayah hendaklah diputuskan menurut tatacara ditetapkan secara teratur dan keputusan tersebut hendaklah diambil secepat mungkin. Orang yang dibenarkan untuk meninggalkan wilayah tersebut boleh menyediakan dana kewangan yang diperlukan untuk diri mereka bagi perjalanan mereka dan membawa bersama mereka harta benda peribadi mereka dan barang untuk kegunaan peribadi mereka dalam jumlah yang munasabah.

Jika mana-mana orang tersebut ditolak permohonan untuk meninggalkan sesuatu wilayah, dia berhak memohon supaya penolakan itu dipertimbangkan semula secepat mungkin oleh mahkamah yang sesuai atau lembaga pentadbiran yang Kuasa Penahan tugaskan bagi tujuan tersebut.

Atas permintaan, wakil Kuasa Pelindung hendaklah, kecuali jika sebab keselamatan menghalangnya, atau orang yang berkenaan membantah, disediakan dengan sebab penolakan bagi sembarang permintaan untuk kebenaran meninggalkan wilayah dan diberikan, seberapa cepat yang mungkin, nama semua orang yang ditolak kebenaran untuk meninggalkan wilayah tersebut.

Perkara 36

Kaedah penghantaran pulang

Keberangkatan yang dibenarkan menurut Perkara terdahulu hendaklah dilaksanakan dalam keadaan keselamatan, kebersihan, sanitasi dan keperluan makanan yang memuaskan. Segala kos yang berkaitan, dari masa meninggalkan wilayah Kuasa Penahan hendaklah ditanggung oleh negara destinasi, atau, dalam hal penempatan di negara yang berkecuali, oleh Kuasa

yang rakyatnya mendapat manfaat tersebut. Butiran amali tentang pergerakan tersebut boleh, jika perlu, diselesaikan melalui perjanjian khas antara Kuasa-kuasa berkenaan.

Peruntukan terdahulu hendaklah tidak menjejaskan perjanjian khas yang boleh juga dimuktamadkan antara Pihak-pihak yang berkonflik tentang pertukaran dan pemulangan rakyat mereka yang berada dalam tangan musuh.

Perkara 37

Orang dalam kurungan

Orang dilindungi yang dikurung sementara menunggu prosiding atau yang sedang menjalani hukuman yang melibatkan kehilangan kebebasan diri hendaklah, semasa pengurungan mereka, diberi layanan yang berperikemanusiaan.

Sebaik sahaja mereka dibebaskan, mereka boleh meminta untuk meninggalkan wilayah itu menurut Perkara terdahulu.

Perkara 38

Orang tidak dihantar pulang

I. Pemerhatian am

Kecuali melalui langkah khas yang dibenarkan dalam Konvensyen ini, terutamanya Perkara 27 dan 41, keadaan orang dilindungi hendaklah terus dikawal selia, secara amnya, menurut peruntukan tentang orang asing pada masa aman. Dalam apa-apa jua keadaan, hak berikut hendaklah diberikan kepada mereka:

- (1) Mereka hendaklah dibolehkan untuk menerima bantuan individu atau bersama yang boleh dihantar kepada mereka.
- (2) Mereka hendaklah, jika keadaan kesihatan mereka memerlukannya, mendapat perhatian perubatan dan rawatan hospital sepertimana rakyat Negara berkenaan.

- (3) Mereka hendaklah dibenarkan untuk mengamalkan agama mereka dan mendapat bantuan kerohanian daripada pemimpin kepercayaan mereka.
- (4) Jika mereka tinggal di kawasan yang khususnya terdedah kepada bahaya peperangan, mereka hendaklah diberi keizinan untuk berpindah dari kawasan itu sepertimana rakyat Negara berkenaan.
- (5) Kanak-kanak bawah umur lima belas tahun, wanita hamil dan ibu kepada kanak-kanak bawah umur tujuh tahun hendaklah mendapat manfaat daripada apa-apa layanan istimewa sepertimana rakyat Negara berkenaan.

Perkara 39

II. Cara kelangsungan hidup

Orang dilindungi yang, akibat peperangan, kehilangan pekerjaan yang mendatangkan hasil kepada mereka hendaklah diberi peluang untuk mencari pekerjaan bergaji. Peluang pekerjaan tersebut hendaklah, tertakluk pada pertimbangan keselamatan dan peruntukan bawah Perkara 40, sama rata dengan rakyat Kuasa bagi wilayah yang mereka berada nikmati.

Apabila suatu Pihak yang berkonflik menggunakan terhadap seseorang dilindungi, kaedah kawalan yang mengakibatkan orang tersebut tidak mampu untuk menanggung sara hidup diri, dan terutamanya jika orang tersebut dihalang atas sebab keselamatan daripada mencari pekerjaan bergaji dengan syarat munasabah, Pihak yang berkonflik tersebut hendaklah memastikan bantuan sara hidup orang dilindungi tersebut dan tanggungannya.

Orang dilindungi dalam apa-apa jua keadaan boleh menerima elaun daripada negara asal mereka, Kuasa Pelindung atau persatuan bantuan yang dirujuk dalam Perkara 30.

Perkara 40

III. Guna tenaga

Orang dilindungi hanya boleh dipaksa bekerja sepertimana rakyat Pihak yang berkonflik di wilayah yang mereka berada.

Jika orang dilindungi itu berkerakyatan pihak musuh, mereka hanya boleh dipaksa untuk melakukan pekerjaan yang biasanya perlu untuk memastikan bekalan makanan, tempat teduh, pakaian, pengangkutan dan kesihatan manusia, iaitu yang tiada kaitan secara langsung dengan pelaksanaan operasi ketenteraan.

Dalam hal yang disebut dalam dua perenggan sebelum ini, orang dilindungi yang dipaksa untuk bekerja berhak mendapat manfaat daripada keadaan dan perlindungan kerja yang sama dengan pekerja negara tersebut, terutamanya berhubung dengan upah, tempoh bekerja, pakaian dan peralatan, latihan terdahulu dan pampasan bagi kemalangan dan penyakit semasa bekerja.

Jika peruntukan di atas dilanggar, orang dilindungi hendaklah dibenarkan untuk menggunakan hak mereka untuk mengadu menurut Perkara 30.

Perkara 41

IV. Kediaman teruntuk. Penahanan

Jika Kuasa dalam tangan orang dilindungi berada menganggap bahawa langkah pengawalan yang disebut dalam Konvensyen ini tidak memadai, Kuasa itu tidak boleh menggunakan mana-mana langkah kawalan lain yang lebih teruk daripada penetapan tempat tinggal atau penahanan menurut Perkara 42 dan 43.

Dalam melaksanakan peruntukan perenggan kedua Perkara 39 dalam hal orang yang dikehendaki meninggalkan tempat kediaman biasa mereka menurut suatu keputusan yang meletakkan mereka di tempat tinggal lain yang ditetapkan, Kuasa Penahan hendaklah berpandukan se hampir mungkin pada piawaian kebajikan yang diperuntukkan bawah Bahagian III, Seksyen IV Konvensyen ini.

Perkara 42

V. Asas kepada penahanan atau kediaman teruntuk. Penahanan sukarela

Penawanan orang dilindungi atau peletakan mereka di tempat tinggal yang ditetapkan boleh diperintahkan hanya jika keselamatan Kuasa Penahan secara mutlak memerlukannya.

Jika mana-mana orang yang bertindak melalui wakil Kuasa Pelindung, menuntut secara sukarela supaya ditawan, dan jika keadaannya menyebabkan langkah tersebut sebagai perlu, dia hendaklah ditawan oleh Kuasa yang dalam tangannya dia mungkin berada.

Perkara 43

VI. Tatacara

Mana-mana orang dilindungi yang ditahan atau diletakkan di tempat tinggal ditetapkan berhak memohon supaya tindakan tersebut dipertimbangkan semula secepat mungkin oleh mahkamah yang sesuai atau lembaga pentadbiran yang diberi kuasa oleh Kuasa Penahan bagi tujuan tersebut. Jika tawanan atau peletakan di tempat tinggal ditetapkan dikekalkan, mahkamah atau lembaga pentadbiran itu hendaklah secara berkala, dan sekurang-kurangnya dua kali setahun, memberikan pertimbangan kepada kes tersebut dengan tujuan pindaan kepada keputusan asal yang memihak kepada orang dilindungi tersebut dapat diberikan, jika keadaan membenarkan.

Melainkan jika orang dilindungi berkenaan membantah, Kuasa Penahan hendaklah, sepantas mungkin, memberi Kuasa Pelindung nama mana-mana orang dilindungi yang ditawan atau diletakkan di tempat tinggal yang ditetapkan, atau yang dibebaskan daripada tahanan atau tempat tinggal yang ditetapkan. Keputusan mahkamah atau lembaga pentadbiran yang disebut dalam perenggan pertama Perkara ini hendaklah juga, tertakluk pada syarat yang sama, dimaklumkan kepada Kuasa Pelindung sepantas mungkin.

Perkara 44

VII. Pelarian

Dalam melaksanakan langkah kawalan yang disebut dalam Konvensyen ini, Kuasa Penahan tidak boleh memberikan layanan, sebagai orang asing musuh semata-mata berdasarkan bahawa mereka secara *de jure* berkerakyatan sesebuah Negara musuh, orang pelarian yang sebenarnya tidak menikmati perlindungan daripada mana-mana kerajaan.

Perkara 45

VIII. Pemindahan kepada kuasa lain

Orang dilindungi tidak boleh dipindahkan kepada Kuasa yang bukan pihak kepada Konvensyen ini.

Peruntukan ini tidak boleh sama sekali menjadi penghalang kepada pemulangan orang dilindungi, atau kepada pengembalian mereka ke negara kediaman mereka selepas berakhirnya permusuhan.

Orang dilindungi boleh dipindahkan oleh Kuasa Penahan hanya kepada suatu Kuasa yang sepihak kepada Konvensyen ini dan selepas Kuasa Penahan berpuas hati tentang kesediaan dan keupayaan Kuasa yang menerima pemindahan tersebut untuk melaksanakan Konvensyen ini. Jika orang dilindungi dipindahkan dalam keadaan tersebut, tanggungjawab untuk melaksanakan Konvensyen ini terletak pada Kuasa yang menerima mereka, semasa mereka berada dalam jagaannya. Walau bagaimanapun, jika Kuasa tersebut gagal untuk melaksanakan peruntukan Konvensyen ini dalam mana-mana aspek yang penting, Kuasa yang memindahkan orang dilindungi itu hendaklah, apabila dimaklumkan oleh Kuasa Pelindung tersebut, mengambil langkah yang berkesan untuk membetulkan keadaan atau hendaklah meminta pengembalian orang dilindungi. Permintaan tersebut hendaklah dipatuhi.

Tiada keadaan yang seseorang yang dilindungi boleh dipindahkan ke negara yang dia mempunyai sebab untuk takut bahawa dia akan dianiayai berdasarkan pendapat politik atau kepercayaan agamanya.

Peruntukan Perkara ini bukanlah penghalang kepada serah balik, menurut triti serah balik yang dimuktamadkan sebelum tercetusnya pertempuran, bagi orang dilindungi yang dituduh melakukan kesalahan bawah undang-undang jenayah biasa.

Perkara 46

Pembatalan langkah terhad

Setakat yang tidak ditarik balik sebelum ini, langkah terhad yang diambil berkenaan dengan orang dilindungi hendaklah dibatalkan secepat mungkin selepas berakhirnya pertempuran.

Langkah terhad yang menjejaskan harta mereka hendaklah dibatalkan, menurut undang-undang Kuasa Penahan, secepat mungkin selepas berakhirnya pertempuran.

SEKSYEN III

WILAYAH YANG DIDUDUKI

Perkara 47

Ketakbolehcabulan hak

Orang dilindungi yang berada di wilayah yang diduduki tidak boleh dilucutkan daripada, dalam apa-apa jua keadaan atau dengan apa-apa jua cara sekalipun, manfaat bawah Konvensyen ini melalui sembarang perubahan yang diperkenalkan lanjutan pendudukan wilayah itu terhadap institusi atau kerajaan wilayah tersebut, atau melalui sembarang perjanjian yang dimuktamadkan antara Pihak-pihak berkuasa wilayah yang diduduki dan Kuasa yang Menduduki, atau melalui sembarang pengilhakan seluruh atau sebahagian wilayah yang diduduki oleh Kuasa yang Menduduki tersebut.

Perkara 48

Keadaan istimewa hantar pulang

Orang dilindungi yang bukan daripada kerakyatan Kuasa yang wilayahnya diduduki, boleh menggunakan hak mereka untuk meninggalkan wilayah tersebut tertakluk pada peruntukan Perkara 35, keputusan, sehubungan itu, hendaklah diambil menurut tatacara yang ditetapkan oleh Kuasa yang Menduduki menurut Perkara tersebut.

Perkara 49

Pengusiran, pemindahan, evakuasi

Pemindahan paksaan secara individu atau beramai-ramai, dan juga pengusiran orang dilindungi dari wilayah yang diduduki ke wilayah Kuasa yang Menduduki atau ke wilayah mana-mana negara lain, sama ada diduduki atau tidak, dilarang, tidak kira apa-apa jua pendorongnya.

Walau bagaimanapun, Kuasa yang Menduduki boleh menjalankan evakuasi keseluruhan atau sebahagian penduduk dari suatu kawasan jika keselamatan penduduk kawasan itu atau alasan ketenteraan yang penting menghendaknya. Evakuasi tersebut tidak boleh mengakibatkan penyesaran orang dilindungi ke luar sempadan wilayah yang diduduki, kecuali sebab kebendaan tidak dapat mengelakkan penyesaran tersebut. Orang yang dievakuasi tersebut hendaklah dipindahkan semula ke rumah mereka sebaik sahaja pertempuran di kawasan berkenaan berakhir.

Kuasa yang Menduduki yang melaksanakan pemindahan atau evakuasi tersebut hendaklah memastikan, setakat yang boleh dilakukan dengan munasabah, supaya penginapan yang sewajarnya disediakan untuk menerima orang dilindungi, supaya pengalihan tersebut dijalankan dalam keadaan kebersihan, kesihatan, keselamatan dan pemakanan yang memuaskan, dan supaya ahli keluarga yang sama tidak terpisah.

Kuasa Pelindung hendaklah dimaklumkan tentang sembarang pemindahan dan evakuasi sebaik sahaja hal itu berlaku.

Kuasa yang Menduduki hendaklah tidak menahan orang dilindungi di suatu kawasan yang khususnya terdedah kepada bahaya peperangan, kecuali apabila keselamatan penduduk atau alasan ketenteraan yang penting menghendakinya.

Kuasa yang Menduduki hendaklah tidak mengusir atau memindahkan sebahagian penduduk awam mereka sendiri ke wilayah yang didudukinya.

Perkara 50

Kanak-kanak

Kuasa yang Menduduki hendaklah, dengan kerjasama pihak berkuasa kebangsaan dan tempatan, memudahkan kelangsungan kerja semua institusi yang tertumpu pada penjagaan dan pendidikan kanak-kanak.

Kuasa yang Menduduki hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk memudahkan pengenalanpastian kanak-kanak dan pendaftaran keibubapaan mereka. Kuasa yang Menduduki tidak boleh, dalam apa-apa jua keadaan, menukar status peribadi mereka, atau mendaftarkan mereka dalam struktur atau pertubuhan yang lebih rendah daripada status tersebut.

Jika institusi tempatan tidak memadai bagi tujuan tersebut, Kuasa yang Menduduki hendaklah membuat pengaturan bagi penjagaan dan pendidikan, jika boleh oleh orang yang mempunyai kerakyatan, bahasa atau agama yang sama dengan mereka, kanak-kanak yang menjadi anak yatim atau yang terpisah daripada ibu bapa mereka akibat peperangan, dan yang tidak boleh dijaga dengan cukup oleh saudara dekat atau kawan mereka.

Seksyen khas Biro yang ditubuhkan menurut Perkara 136 hendaklah bertanggungjawab mengambil segala langkah perlu untuk mengenal pasti

identiti kanak-kanak yang identitinya berada dalam keraguan. Butiran tentang ibu bapa atau saudara dekat hendaklah selalu dicatat, jika ada.

Kuasa yang Menduduki hendaklah tidak menghalang pelaksanaan mana-mana langkah keutamaan tentang makanan, penjagaan perubatan dan perlindungan daripada kesan perang, yang mungkin diambil sebelum berlakunya pendudukan tersebut yang memihak kepada kanak-kanak bawah umur lima belas tahun, wanita hamil, dan ibu kepada kanak-kanak bawah umur tujuh tahun.

Perkara 51

Pengambilan tentera. Buruh

Kuasa yang Menduduki tidak boleh memaksa orang dilindungi untuk berkhidmat dengan angkatan tentera atau simpanannya. Tekanan atau propaganda yang bertujuan memastikan pengambilan masuk mereka secara sukarela tidak dibenarkan.

Kuasa yang Menduduki tidak boleh memaksa orang dilindungi untuk bekerja, kecuali bagi mereka yang berumur lapan belas tahun ke atas, dan itupun hanya untuk kerja perlu sahaja, sama ada untuk keperluan tentera yang menduduki, atau untuk perkhidmatan kemudahan awam, atau untuk pembekalan makanan, tempat teduh, pakaian, pengangkutan atau kesihatan penduduk negara yang diduduki. Orang dilindungi tidak boleh dipaksa untuk melakukan apa-apa pekerjaan yang melibatkan mereka dalam kewajipan untuk mengambil bahagian dalam operasi ketenteraan. Kuasa yang Menduduki tidak boleh memaksa orang dilindungi untuk menggunakan kaedah berbentuk paksaan untuk memastikan keselamatan kemudahan ketenteraan di mana mereka melaksanakan kerja buruh paksa.

Kerja hendaklah dijalankan di wilayah yang diduduki tempat orang yang diambil bekerja itu berada. Setiap orang tersebut hendaklah, setakat yang boleh, dikekalkan di tempat kerja biasanya. Pekerja hendaklah diberi upah yang adil dan pekerjaan mereka hendaklah setimpal dengan keupayaan jasmani dan intelek mereka. Undang-undang yang berkuat kuasa di negara

diduduki berkaitan dengan keadaan kerja, dan perlindungan tentang, terutamanya, perkara seperti upah, tempoh bekerja, peralatan, latihan awal dan pampasan bagi kemalangan dan penyakit dalam pekerjaan, hendaklah terpakai kepada orang dilindungi, yang ditugaskan untuk kerja yang dirujuk dalam Perkara ini.

Permintaan terhadap buruh tidak boleh sama sekali mengakibatkan kerahan pekerja dalam pertubuhan yang bersifat ketenteraan atau separa ketenteraan.

Perkara 52

Perlindungan pekerja

Tiada kontrak, perjanjian atau peraturan boleh menjejaskan hak mana-mana pekerja, sama ada secara sukarela atau tidak dan di mana-mana sahaja dia berada, untuk memohon kepada wakil Kuasa Pelindung supaya dapat meminta campur tangan Kuasa tersebut.

Semua langkah yang bertujuan mewujudkan pengangguran atau menyekat peluang yang ditawarkan kepada pekerja di wilayah yang diduduki, bagi memaksa mereka untuk bekerja untuk Kuasa yang Menduduki, dilarang.

Perkara 53

Pemusnahan yang dilarang

Sembarang kegiatan pemusnahan Kuasa yang Menduduki terhadap hartanah atau harta peribadi kepunyaan orang persendirian secara individu atau bersama, atau kepunyaan Negara tersebut, atau kepunyaan pihak berkuasa awam lain, atau kepunyaan pertubuhan sosial atau koperasi, dilarang, kecuali jika pemusnahan tersebut dianggap teramat perlu atas sebab operasi ketenteraan.

Perkara 54

Hakim dan kakitangan awam

Kuasa yang Menduduki tidak boleh mengubah status penjawat awam atau hakim di wilayah yang diduduki, atau dengan apa-apa jua cara mengenakan sekatan, atau mengambil apa-apa langkah paksaan atau pembezalayanan terhadap mereka, apabila mereka mengelakkan diri daripada memenuhi tugas mereka berdasarkan hati nurani mereka.

Larangan ini tidak menjejaskan pemakaian perenggan kedua Perkara 51. Larangan ini tidak menjejaskan hak Kuasa yang Menduduki untuk menyingkirkan penjawat awam daripada jawatan mereka.

Perkara 55

Bekalan makanan dan perubatan untuk penduduk

Setakat keupayaan yang ada padanya, Kuasa yang Menduduki berkewajipan untuk memastikan bekalan makanan dan perubatan kepada penduduk; kuasa itu sewajarnya, dengan khusus, membawa masuk barangan makanan, simpanan perubatan, dan barangan lain yang perlu jika sumber wilayah yang diduduki tidak mencukupi.

Kuasa yang Menduduki hendaklah tidak membuat tuntutan makanan, barang atau bekalan perubatan yang sedia ada di wilayah yang diduduki, kecuali bagi kegunaan angkatan tentera dan kakitangan pentadbiran yang menduduki, dan itupun hanya jika keperluan penduduk awam telah diambil kira. Tertakluk pada peruntukan Konvensyen antarabangsa lain, Kuasa yang Menduduki hendaklah membuat aturan untuk memastikan bahawa nilai saksama dibayar bagi apa-apa barang yang dituntut.

Kuasa Pelindung adalah, pada bila-bila masa, bebas untuk mengesahkan keadaan bekalan makanan dan perubatan di wilayah yang diduduki, kecuali jika wujudnya sekatan sementara yang perlu disebabkan keperluan ketenteraan yang sangat penting.

Perkara 56

Kebersihan dan kesihatan awam

Setakat keupayaan yang ada padanya, Kuasa yang Menduduki berkewajipan untuk memastikan dan menyelenggara, dengan kerjasama pihak berkuasa kebangsaan dan tempatan, pertubuhan dan perkhidmatan perubatan dan hospital, kesihatan dan kebersihan awam di wilayah yang diduduki, dengan rujukan khusus kepada pengambilan dan pelaksanaan langkah kawalan dan pencegahan yang perlu untuk mengekang penularan penyakit berjangkit dan wabak. Kakitangan perubatan dalam semua kategori hendaklah dibenarkan untuk menjalankan kewajipan tugas mereka.

Jika hospital baharu didirikan di wilayah yang diduduki dan jika badan berwibawa Negara yang diduduki tidak beroperasi di sana, pihak berkuasa Kuasa yang Menduduki hendaklah, jika perlu, memberikan pengiktirafan kepada hospital tersebut menurut peruntukan dalam Perkara 18. Dalam keadaan yang sama, pihak berkuasa Kuasa yang Menduduki hendaklah juga memberikan pengiktirafan kepada kakitangan dan kenderaan hospital menurut peruntukan Perkara 20 dan 21.

Dalam mengambil langkah kesihatan dan kebersihan, dan melaksanakannya, Kuasa yang Menduduki hendaklah mengambil kira kecenderungan moral dan etika penduduk wilayah yang diduduki.

Perkara 57

Tuntutan hospital

Kuasa yang Menduduki boleh membuat tuntutan kepada hospital awam secara sementara sahaja dan hanya bagi keadaan perlu segera dalam penjagaan anggota angkatan tentera yang cedera dan sakit, dan itupun dalam keadaan apabila aturan yang sesuai telah dibuat dalam masa yang sewajarnya bagi penjagaan dan rawatan pesakit dan bagi keperluan penginapan hospital untuk penduduk awam.

Bahan dan simpanan hospital awam tidak boleh diambil selagi bahan dan simpanan itu menjadi keperluan penduduk awam.

Perkara 58

Bantuan keagamaan

Kuasa yang Menduduki hendaklah membenarkan pemimpin agama untuk memberikan bantuan kerohanian kepada anggota masyarakat agama mereka.

Kuasa yang Menduduki hendaklah juga menerima kiriman buku dan bahan yang dikehendaki bagi keperluan keagamaan, dan memudahkan pengagihannya di wilayah yang diduduki.

Perkara 59

Bantuan

I. Bantuan berkelompok

Jika keseluruhan atau sebahagian penduduk sesuatu wilayah yang diduduki tidak menerima bekalan yang memadai, Kuasa yang Menduduki hendaklah bersetuju bagi pihak penduduk tersebut dengan pemberian skim bantuan, dan hendaklah memudahkan skim tersebut melalui semua kaedah yang ada padanya.

Skim tersebut, yang boleh diberikan sama ada oleh Negara atau pertubuhan kemanusiaan yang saksama seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, hendaklah khususnya terdiri daripada penyediaan kiriman barangan makanan, bekalan perubatan dan pakaian.

Semua Pihak Pejanji hendaklah membenarkan laluan bebas bagi kiriman ini dan hendaklah menjamin perlindungannya.

Kuasa yang memberikan laluan bebas kepada kiriman yang menuju ke wilayah yang diduduki oleh suatu Pihak yang berkonflik yang berlawanan, bagaimanapun, berhak untuk memeriksa kiriman tersebut, untuk mengawal

selia laluan nya menurut masa dan perjalanan yang ditetapkan, dan berhak untuk memuask an hati sendiri dengan munasabah melalui Kuasa Pelindung bahawa kiriman ini digunakan untuk membantu penduduk yang memerlukannya dan bukan untuk manfaat Kuasa yang Menduduki.

Perkara 60

II. Tanggungjawab Kuasa yang Menduduki

Kiriman bantuan hendaklah tidak sama sekali melepaskan Kuasa yang Menduduki daripada mana-mana tanggungjawabnya bawah Perkara 55, 56, dan 59. Kuasa yang Menduduki hendaklah tidak sama sekali juga menukarkan tujuan kiriman bantuan daripada tujuan asalnya, kecuali dalam hal keperluan mustahak, demi kepentingan penduduk wilayah yang diduduki dan dengan persetujuan Kuasa Pelindung.

Perkara 61

III. Pengagihan

Pengagihan kiriman bantuan yang dirujuk dalam Perkara di atas hendaklah dijalankan dengan kerjasama dan bawah pengawasan Kuasa Pelindung. Kewajipan ini boleh juga diwakilkan, melalui perjanjian antara Kuasa yang Menduduki dengan Kuasa Pelindung, kepada Jawatankuasa Antarabangsa Patang Merah atau kepada mana-mana badan kemanusiaan yang bersifat saksama yang lain.

Kiriman tersebut hendaklah dkecualikan daripada segala pembayaran, cukai atau duti kastam di wilayah yang diduduki, kecuali jika pembayaran, cukai atau duti kastam itu perlu demi kepentingan ekonomi wilayah itu. Kuasa yang Menduduki hendaklah memudahkan pengagihan pantas kiriman ini.

Semua Pihak Pejanji hendaklah berusaha untuk mengizinkan transit dan pengangkutan, tanpa sembarang bayaran, bagi kiriman bantuan tersebut yang berada dalam perjalanan menuju ke wilayah yang diduduki.

Perkara 62

Bantuan perseorangan

Tertakluk pada alasan keselamatan yang sangat penting, orang dilindungi di wilayah yang diduduki hendaklah diizinkan untuk menerima kiriman bantuan perseorangan yang dihantar kepada mereka.

Perkara 63

Persatuan Kebangsaan Palang Merah dan pertubuhan lain

Tertakluk pada langkah sementara dan luar biasa yang dikenakan atas alasan keselamatan yang bersifat segera oleh Kuasa yang Menduduki:

- (a) Persatuan Kebangsaan Palang Merah (Bulan Sabit Merah, Singa dan Matahari Merah) yang diiktiraf hendaklah berupaya untuk melakukan kegiatan mereka menurut prinsip Palang Merah, sebagaimana yang ditafsirkan oleh Persidangan Antarabangsa Palang Merah. Persatuan bantuan yang lain hendaklah diizinkan untuk meneruskan kegiatan kemanusiaan mereka atas syarat yang sama;
- (b) Kuasa yang Menduduki tidak boleh menghendaki apa-apa perubahan kepada kakitangan atau struktur persatuan ini yang boleh menjejaskan kegiatan di atas.

Prinsip yang sama hendaklah terpakai kepada kegiatan dan kakitangan pertubuhan khas yang tidak bersifat ketenteraan yang sudah wujud atau boleh ditubuhkan bagi tujuan memastikan keadaan hidup penduduk awam dengan penyelenggaraan perkhidmatan kemudahan awam yang perlu, dengan pengagihan bekalan bantuan dan dengan pengaturan operasi menyelamat.

Perkara 64

Undang-undang keseksaan

Undang-undang keseksaan bagi wilayah yang diduduki hendaklah terus berkuat kuasa, dengan pengecualian bahawa undang-undang tersebut boleh dimansuhkan atau digantung oleh Kuasa yang Menduduki jika undang-undang tersebut menjadi satu ancaman kepada keselamatannya atau penghalang bagi pemakaian Konvensyen ini. Tertakluk pada pertimbangan yang kedua itu dan kepada keperluan bagi memastikan pentadbiran keadilan yang berkesan, tribunal di wilayah yang diduduki hendaklah terus berfungsi dalam menangani kesalahan yang terangkum bawah undang-undang tersebut.

Walau bagaimanapun, Kuasa yang Menduduki boleh melaksanakan peruntukan yang perlu ke atas penduduk di wilayah yang diduduki bagi membolehkan Kuasa yang Menduduki memenuhi kewajipannya bawah Konvensyen ini, untuk menyelaras kerajaan yang teratur di wilayah itu, dan untuk memastikan keselamatan Kuasa yang Menduduki, ahli dan harta benda Kuasa-kuasa atau pentadbiran yang menduduki, serta penubuhan dan talian komunikasi yang digunakan oleh mereka.

Perkara 65

Penerbitan

Peruntukan keseksaan yang digubal oleh Kuasa yang Menduduki tidak boleh berkuat kuasa sebelum peruntukan tersebut diterbitkan dan dibawa ke pengetahuan penduduk dalam bahasa mereka sendiri. Peruntukan keseksaan tidaklah boleh berkuat kuasa secara retroaktif.

Perkara 66

Mahkamah berwibawa

Jika berlaku pelanggaran peruntukan keseksaan yang dimasyhurkan menurut perenggan kedua Perkara 64, Kuasa yang Menduduki boleh menyerahkan orang kena tuduh kepada mahkamah tentera bukan politik

yang ditubuhkan dengan sewajarnya, dengan syarat bahawa mahkamah tersebut bersidang di negara yang diduduki. Mahkamah rayuan hendaklah sebaik-baiknya bersidang di wilayah yang diduduki.

Perkara 67

Peruntukan boleh guna

Mahkamah hendaklah hanya memakai peruntukan undang-undang yang terpakai sebelum kesalahan dilakukan dan yang menurut prinsip am undang-undang, khususnya prinsip bahawa penalti hendaklah berkadar dengan kesalahan. Mahkamah hendaklah mengambil kira kenyataan bahawa orang kena tuduh bukan rakyat Kuasa yang Menduduki.

Perkara 68

Denda. Hukuman mati

Orang dilindungi yang melakukan kesalahan dengan niat semata-mata untuk memudaratkan Kuasa yang Menduduki, tetapi bukan suatu percubaan terhadap nyawa atau anggota tubuh badan ahli angkatan atau pentadbiran yang menduduki, atau bukan suatu bahaya berat kolektif, atau merosakkan harta benda angkatan atau pentadbiran atau binaan kegunaan mereka dengan serius, hendaklah menanggung liabiliti penahanan atau pemenjaraan mudah, dengan syarat tempoh penahanan atau pemenjaraan tersebut berkadar dengan kesalahan yang dilakukan. Tambahan pula, penahanan atau pemenjaraan hendaklah, bagi kesalahan tersebut, merupakan satu-satunya langkah yang diterima pakai untuk melucutkan kebebasan orang dilindungi. Mahkamah yang diperuntukkan bawah Perkara 66 Konvensyen ini boleh menggunakan budi bicara mereka untuk menukarkan hukuman penjara kepada hukuman tahanan untuk tempoh yang sama.

Peruntukan keseksaan yang dimasyhurkan oleh Kuasa yang Menduduki menurut Perkara 64 dan 65 boleh menjatuhkan hukuman mati

ke atas seseorang yang dilindungi hanya jika orang itu bersalah melakukan pengintipan, melakukan perbuatan sabotaj yang serius terhadap binaan ketenteraan bagi Kuasa yang Menduduki, atau melakukan kesalahan dengan niat yang menyebabkan kematian seorang atau lebih, dengan syarat kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman mati bawah undang-undang wilayah yang diduduki yang telah pun berkuat kuasa sebelum pendudukan bermula.

Hukuman mati itu tidak boleh dijatuhkan ke atas seseorang yang dilindungi, kecuali perhatian mahkamah telah dibawa khususnya kepada kenyataan bahawa memandangkan tertuduh bukan rakyat Kuasa yang Menduduki, dia tidak terikat padanya atas sebab mana-mana kewajipan taat setia.

Dalam apa-apa jua keadaan, hukuman mati tidak boleh dijatuhkan ke atas seseorang yang dilindungi yang berumur bawah lapan belas tahun semasa kesalahan itu dilakukan.

Perkara 69

VI. Penolakan daripada hukuman yang dijalani dalam tahanan

Dalam semua kes, tempoh orang dilindungi yang dituduh melakukan kesalahan, berada dalam tahanan sementara menunggu perbicaraan atau hukuman hendaklah ditolak daripada jangka masa bagi hukuman penjara yang dijatuhkan.

Perkara 70

VII. Kesalahan dilakukan sebelum pendudukan

Orang dilindungi hendaklah tidak ditangkap, didakwa atau disabitkan oleh Kuasa yang Menduduki bagi perbuatan yang dilakukan atau bagi pendapat yang dinyatakan sebelum pendudukan atau semasa berlakunya gangguan sementara dalam pendudukan, kecuali pelanggaran undang-undang dan amalan peperangan.

Rakyat Kuasa yang Menduduki yang mencari perlindungan sebelum meletusnya pertempuran di wilayah Negara yang diduduki, hendaklah tidak ditangkap, didakwa, disabitkan atau diusir dari wilayah yang diduduki, kecuali bagi kesalahan yang dilakukan selepas meletusnya permusuhan atau bagi kesalahan bawah *common law* yang dilakukan sebelum meletusnya permusuhan yang, menurut undang-undang Negara yang diduduki, memberikan asas kepada serah balik pada masa aman.

Perkara 71

Tatacara jenayah

I. Pemerhatian am

Tiada hukuman boleh dijatuhkan oleh mahkamah berwibawa Kuasa yang Menduduki kecuali selepas perbicaraan yang mengikut aturan.

Orang kena tuduh yang didakwa oleh Kuasa yang Menduduki hendaklah dimaklumkan dengan segera, secara bertulis, dalam bahasa yang mereka faham, tentang butiran pertuduhan terhadap mereka, dan dibicarakan sepantas yang mungkin. Kuasa Pelindung hendaklah dimaklumkan tentang semua prosiding yang dimulakan oleh Kuasa yang Menduduki terhadap orang dilindungi tentang tuduhan yang melibatkan hukuman mati atau pemenjaraan untuk dua tahun atau lebih; Kuasa Pelindung hendaklah dibenarkan, pada bila-bila masa, untuk memperoleh maklumat tentang keadaan prosiding tersebut. Tambahan pula, Kuasa Pelindung berhak, atas permintaan, untuk diberikan semua butiran tentang prosiding ini dan prosiding lain yang dimulakan oleh Kuasa yang Menduduki terhadap orang dilindungi.

Pemakluman kepada Kuasa Pelindung, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan kedua di atas, hendaklah dihantar segera, dan hendaklah dalam apa-apa jua keadaan sampai kepada Kuasa Pelindung tiga minggu sebelum tarikh perbicaraan pertama. Melainkan pada pembukaan perbicaraan, keterangan dikemukakan bahawa peruntukan Perkara ini telah dipatuhi sepenuhnya, perbicaraan itu tidak

boleh diteruskan. Pemakluman hendaklah merangkumi butiran yang berikut:

- (a) perihalan orang kena tuduh;
- (b) tempat tinggal atau tahanan;
- (c) butiran pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan (termasuk pernyataan tentang peruntukan keseksaan yang pertuduhan dikemukakan bawahnya)
- (d) penetapan mahkamah yang akan mendengar kes;
- (e) tempat dan tarikh perbicaraan pertama.

Perkara 72

II. Hak pembelaan

Orang kena tuduh berhak mengemukakan keterangan yang diperlukan untuk pembelaan mereka dan boleh, secara khusus, memanggil saksi. Mereka berhak dibantu oleh peguam bela atau peguam pilihan mereka yang berkeelayakan, yang hendaklah dibenarkan untuk melawat mereka secara bebas dan menikmati kemudahan yang perlu untuk menyediakan pembelaan tersebut.

Apabila orang kena tuduh tidak dapat memilih peguam bela atau peguamnya sendiri, Kuasa Pelindung hendaklah menyediakan peguam bela atau peguam untuknya. Apabila orang kena tuduh menghadapi pertuduhan yang berat dan Kuasa Pelindung tidak berfungsi, Kuasa yang Menduduki, tertakluk pada persetujuan orang kena tuduh, hendaklah menyediakan peguam bela atau peguam.

Orang kena tuduh hendaklah, melainkan jika mereka secara bebas mengetepikan bantuan ini, dibantu oleh penterjemah, semasa siasatan awal dan semasa pendengaran di mahkamah. Mereka berhak pada bila-bila masa untuk membuat bantahan terhadap penterjemah itu dan untuk meminta pengantiannya.

Perkara 73

III. Hak merayu

Seseorang yang disabitkan kesalahan berhak untuk membuat rayuan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang dipakai oleh mahkamah. Dia hendaklah dimaklumkan sepenuhnya tentang haknya untuk mengemukakan rayuan atau petisyen dan tentang had masa untuknya melakukan perkara tersebut.

Tatacara jenayah yang diperuntukkan dalam Seksyen ini hendaklah terpakai, setakat yang boleh dipakai, kepada rayuan. Jika undang-undang yang dipakai oleh mahkamah tidak membuat apa-apa peruntukan bagi rayuan, orang yang disabitkan berhak untuk mempetisyen dapatan dan hukuman tersebut kepada pihak berkuasa berwibawa bagi Kuasa yang Menduduki.

Perkara 74

IV. Bantuan oleh Kuasa Pelindung

Wakil Kuasa Pelindung berhak untuk menghadiri perbicaraan mana-mana orang yang dilindungi, melainkan perbicaraan itu, sebagai suatu langkah pengecualian, mesti didengar secara tertutup demi kepentingan keselamatan Kuasa yang Menduduki, yang hendaklah memaklumi Kuasa Pelindung. Sesuatu pemakluman tentang tarikh dan tempat perbicaraan hendaklah dihantar kepada Kuasa Pelindung.

Sembarang penghakiman yang melibatkan hukuman mati, atau hukuman penjara dua tahun atau lebih, hendaklah disampaikan, dengan alasan yang berkaitan, sepantas yang mungkin kepada Kuasa Pelindung. Pemakluman itu hendaklah mengandungi rujukan kepada pemakluman yang dibuat bawah Perkara 71 dan, dalam kes hukuman penjara, nama tempat yang hukuman itu akan dijalani. Rekod tentang penghakiman selain penghakiman yang dirujuk di atas hendaklah disimpan oleh mahkamah dan hendaklah dibuka untuk pemeriksaan oleh wakil Kuasa Pelindung. Apa-apa

jangka masa yang dibenarkan untuk rayuan dalam kes yang melibatkan hukuman mati, atau penjara dua tahun atau lebih, hendaklah tidak bermula sehingga pemakluman tentang penghakiman diterima oleh Kuasa Pelindung.

Perkara 75

V. Hukuman mati

Orang yang dihukum mati sama sekali tidak boleh dilucutkan haknya untuk mempetisyen bagi pengampunan atau reprief.

Hukuman mati tidak boleh dilaksanakan sebelum luputnya tempoh sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh Kuasa Pelindung menerima pemakluman tentang penghakiman muktamad yang mengesahkan hukuman mati tersebut, atau tentang perintah yang menafikan pengampunan atau reprief tersebut.

Tempoh enam bulan bagi penggantungan pelaksanaan hukuman mati yang diperuntukkan ini boleh dikurangkan bagi kes individu dalam keadaan darurat yang melibatkan ancaman yang teratur terhadap keselamatan Kuasa yang Menduduki atau angkatan bersenjatanya, dengan syarat bahawa Kuasa Pelindung dimaklumkan tentang pengurangan tempoh tersebut serta diberi masa dan peluang yang munasabah untuk mengemukakan representasi kepada pihak berkuasa berwajib yang menduduki berkenaan dengan hukuman mati tersebut.

Perkara 76

Layanan terhadap orang tahanan

Orang dilindungi yang dituduh dengan kesalahan hendaklah ditahan di negara yang diduduki, dan jika disabitkan kesalahan, mereka hendaklah menjalani hukuman di sana. Mereka hendaklah, jika boleh, diasingkan daripada tahanan lain dan hendaklah menikmati keadaan makanan dan kebersihan yang mencukupi bagi memastikan mereka berada dalam

keadaan kesihatan yang baik, dan yang sekurang-kurangnya sama rata dengan keadaan dalam penjara di negara yang diduduki itu.

Mereka hendaklah mendapat rawatan perubatan yang dikehendaki oleh keadaan kesihatan mereka.

Mereka juga berhak mendapat apa-apa bantuan kerohanian yang mungkin mereka perlukan.

Wanita hendaklah dikurung di kuarters berasingan dan hendaklah berada bawah pengawasan wanita.

Perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada layanan khas bagi orang bawah umur.

Orang dilindungi yang ditahan berhak untuk dilawati oleh delegasi Kuasa Pelindung dan oleh delegasi Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, menurut peruntukan bawah Perkara 143.

Orang tersebut berhak untuk mendapat sekurang-kurangnya satu bungkusan bantuan setiap bulan.

Perkara 77

Penyerahan orang tahanan pada penamatan pendudukan

Orang dilindungi yang dituduh melakukan kesalahan atau yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah di wilayah yang diduduki hendaklah diserahkan pada masa berakhirnya pendudukan, dengan rekod yang berkaitan, kepada pihak berkuasa wilayah yang dibebaskan.

Perkara 78

Langkah keselamatan. Penawanan dan penetapan tempat tinggal. Hak merayu

Jika Kuasa yang Menduduki menganggap perlu, atas sebab keselamatan yang mustahak, untuk mengambil langkah keselamatan bagi orang

dilindungi, Kuasa yang Menduduki boleh, selebih-lebihnya, meletakkan mereka di tempat tinggal yang ditetapkan atau dalam tahanan.

Keputusan tentang tempat tinggal yang ditetapkan atau tahanan tersebut hendaklah dibuat menurut tatacara teratur yang diperincikan oleh Kuasa yang Menduduki, menurut peruntukan Konvensyen ini. Tatacara ini hendaklah merangkumi hak Pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat rayuan. Rayuan hendaklah diputuskan dengan sekurang-kurang kelewatan yang mungkin. Jika keputusan ditegakkan, keputusan itu hendaklah tertakluk pada semakan berkala, jika boleh setiap enam bulan, oleh suatu badan berwibawa yang ditubuhkan oleh Kuasa tersebut.

Orang dilindungi yang tertakluk pada tempat tinggal yang ditetapkan dan dengan itu dikehendaki meninggalkan rumah mereka, hendaklah mendapat manfaat penuh bawah Perkara 39 Konvensyen ini.

SEKSYEN IV

PERATURAN TENTANG LAYANAN TERHADAP ORANG TAHANAN

Bab I

PERUNTUKAN AM

Perkara 79

Kes penawanan dan peruntukan boleh guna

Pihak-pihak yang berkonflik tidak boleh menahan orang dilindungi, kecuali menurut peruntukan bawah Perkara 41, 42, 43, 68 dan 78.

Perkara 80

Kapasiti awam

Kapasiti awam orang tahanan hendaklah dikekalkan sepenuhnya, dan orang tahanan berhak menuntut hak yang bersesuaian dengan status mereka.

Perkara 81

Penjagaan hidup

Pihak-pihak yang berkonflik yang menahan orang dilindungi terikat untuk menyediakan secara percuma penjagaan hidup mereka, dan juga untuk memberi mereka rawatan perubatan yang dikehendaki oleh keadaan kesihatan mereka.

Tiada potongan elaun, gaji atau kredit daripada orang tahanan boleh dibuat untuk pembayaran balik kos ini.

Kuasa Penahan hendaklah memberikan bantuan sara hidup kepada tanggungan orang tahanan jika tanggungan tersebut tidak cukup sumber untuk menyara hidup atau tidak mampu untuk mencari nafkah.

Perkara 82

Pengelompokan orang tahanan

Kuasa Penahan hendaklah, seboleh yang mungkin, menempatkan orang tahanan mengikut kerakyatan, bahasa, dan adat mereka. Orang tahanan yang sama kerakyatan tidak boleh dipisahkan semata-mata kerana mereka bertutur dalam bahasa yang berlainan.

Sepanjang tempoh penahanan mereka, ahli keluarga yang sama, khususnya ibu bapa dan anak-anak, hendaklah ditempatkan bersama di tempat tahanan yang sama, kecuali apabila pemisahan sementara diperlukan atas sebab pekerjaan atau kesihatan atau bagi tujuan pelaksanaan peruntukan Bab IX Seksyen ini. Orang tahanan boleh memohon supaya anak mereka yang dibiarkan hidup bebas tanpa jagaan ibu bapa ditahan bersama mereka.

Sedapat mungkin, ahli keluarga sama yang ditahan hendaklah ditempatkan di tempat yang sama dan diberi tempat tinggal secara berasingan daripada orang tahanan yang lain, bersama-sama dengan kemudahan untuk menjalani kehidupan berkeluarga yang sewajarnya.

Bab II TEMPAT TAHANAN

Perkara 83

Lokasi tempat tahanan. Penandaan kem

Kuasa Penahan tidak boleh menubuhkan tempat tahanan di kawasan yang khususnya terdedah kepada bahaya peperangan.

Kuasa Penahan hendaklah memberi Kuasa-kuasa musuh, melalui perantaraan Kuasa-kuasa Pelindung, segala maklumat yang berguna tentang lokasi geografi tempat tahanan.

Bilamana pertimbangan ketenteraan mengizinkan, kem tahanan hendaklah ditandai dengan huruf IC, yang diletakkan supaya jelas kelihatan dari udara pada waktu siang. Kuasa-kuasa yang berkenaan bagaimanapun boleh bersetuju dengan mana-mana sistem penandaan lain. Tiada tempat, kecuali kem tahanan, yang boleh ditandakan sedemikian.

Perkara 84

Penahanan berasingan

Orang tahanan hendaklah ditempatkan dan ditadbirkan secara berasingan daripada tawanan perang dan daripada orang yang dilucutkan kebebasan atas apa-apa sebab yang lain.

Perkara 85

Tempat tinggal, kebersihan

Kuasa Penahan terikat untuk mengambil segala langkah yang perlu dan mungkin untuk memastikan bahawa orang dilindungi hendaklah, dari permulaan penahanan lagi, ditempatkan di bangunan atau kuarters yang

memberikan segala perlindungan yang mungkin tentang kebersihan dan kesihatan, serta memberikan perlindungan yang berkesan daripada kedahsyatan iklim dan kesan peperangan. Tempat tahanan kekal tidak boleh diletakkan di kawasan tidak sihat atau yang mempunyai iklim memudaratkan kesihatan tahanan. Dalam semua keadaan yang daerah seseorang dilindungi ditahan secara sementara berada di suatu kawasan yang tidak sihat atau yang mempunyai iklim yang memudaratkan kesihatannya, dia hendaklah dipindahkan ke suatu tempat tahanan yang lebih sesuai sebaik sahaja keadaan mengizinkan.

Tempat itu hendaklah terlindung sepenuhnya daripada kelembapan, mempunyai pemanasan dan penyalaan yang secukupnya, khususnya antara waktu senja dengan waktu lampu tutup. Ruang tidur hendaklah cukup luas dan mempunyai pengudaraan yang baik, dan orang tahanan hendaklah mempunyai kelengkapan tempat tidur yang sesuai dan selimut yang cukup, dengan mengambil kira iklim, umur, jantina, dan keadaan kesihatan orang tahanan.

Orang tahanan hendaklah diberikan kemudahan sanitasi yang mematuhi aturan kebersihan untuk kegunaan mereka, pada waktu siang dan malam, dan sentiasa dijaga keadaan kebersihannya. Mereka hendaklah diberikan air dan sabun yang mencukupi untuk kegunaan tandas dan mencuci pakaian peribadi mereka; binaan dan kemudahan perlu bagi tujuan ini hendaklah disediakan kepada mereka. Pancuran atau bilik mandi hendaklah juga disediakan. Masa yang diperlukan untuk tujuan pencucian dan pembersihan hendaklah diperuntukkan.

Apabila perlu, sebagai suatu langkah pengecualian dan sementara, untuk menempatkan tahanan wanita yang bukan ahli sesuatu unit keluarga berada di tempat tahanan yang sama dengan lelaki, ruang tidur dan kemudahan sanitasi untuk kegunaan tahanan wanita tersebut wajib disediakan.

Perkara 86

Tempat untuk khidmat agama

Kuasa Penahan hendaklah menyediakan bagi orang tahanan, walau apa-apa jua agama mereka, tempat yang sesuai untuk menjalani ibadah agama mereka.

Perkara 87

Kantin

Kantin hendaklah dibina di setiap tempat tahanan, kecuali jika wujudnya kemudahan lain yang sesuai. Tujuan kantin itu hendaklah bagi membolehkan orang tahanan membuat pembelian, pada harga yang tidak melebihi harga pasaran tempatan, bahan makanan dan barang kegunaan harian, termasuk sabun dan tembakau, yang akan meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan diri mereka.

Keuntungan yang diperoleh kantin hendaklah dikreditkan ke suatu dana kebajikan yang diwujudkan bagi setiap tempat tahanan, dan ditadbir urus untuk manfaat orang tahanan berkaitan dengan tempat tahanan tersebut. Jawatankuasa Orang Tahanan yang diperuntukkan dalam Perkara 102 berhak untuk menyemak pengurusan kantin dan dana tersebut.

Apabila suatu tempat tahanan ditutup, baki dana kebajikan itu hendaklah dipindahkan kepada suatu dana kebajikan tempat tahanan bagi orang tahanan yang sama kerakyatan, atau, jika tempat tahanan tersebut tidak wujud, kepada suatu dana kebajikan pusat yang hendaklah ditadbir urus bagi manfaat semua orang tahanan yang masih berada dalam jagaan Kuasa Penahan. Jika berlaku pembebasan am, keuntungan tersebut hendaklah disimpan oleh Kuasa Penahan, tertakluk pada mana-mana perjanjian yang berlainan antara Kuasa-kuasa yang berkenaan.

Perkara 88

Perlindungan serangan udara. Langkah perlindungan

Bagi semua tempat tahanan yang terdedah kepada serangan udara dan bahaya peperangan yang lain, tempat berteduh yang memadai dari segi bilangan dan struktur hendaklah dibina bagi memastikan wujudnya perlindungan yang perlu. Jika berlaku kecemasan, orang tahanan hendaklah bebas memasuki tempat berteduh tersebut secepat mungkin, kecuali bagi mereka yang tinggal untuk melindungi kuarters mereka daripada bahaya tersebut di atas. Apa-apa langkah perlindungan yang diambil yang memihak kepada penduduk setempat hendaklah juga terpakai kepada mereka yang ditahan.

Semua langkah berjaga-jaga daripada bahaya kebakaran yang sewajarnya mesti diambil di tempat tahanan.

Bab III MAKANAN DAN PAKAIAN

Perkara 89

Makanan

Catuan makanan harian bagi orang tahanan hendaklah mencukupi dari segi kuantiti, kualiti dan kepelbagaian untuk memastikan orang tahanan berada dalam kesihatan yang baik dan untuk mencegah kekurangan nutrien. Pemakanan biasa orang tahanan juga hendaklah dipertimbangkan.

Orang tahanan juga hendaklah diberi keperluan untuk menyediakan bagi diri mereka apa-apa makanan tambahan dalam simpanan mereka.

Air minuman yang mencukupi hendaklah dibekalkan kepada orang tahanan. Penggunaan tembakau hendaklah diizinkan.

Orang tahanan yang bekerja hendaklah menerima catuan tambahan yang berkadar dengan jenis kerja buruh yang mereka lakukan.

Ibu yang hamil dan ibu menyusui, serta kanak-kanak bawah umur lima belas tahun, hendaklah diberi makanan tambahan, yang berkadar dengan keperluan fisiologi mereka.

Perkara 90

Pakaian

Apabila dimasukkan dalam tahanan, orang tahanan hendaklah diberi segala kemudahan untuk menyediakan diri mereka dengan pakaian, kasut dan salinan pakaian dalam, dan kemudiannya untuk mendapatkan bekalan tambahan jika dikehendaki. Jika mana-mana orang tahanan tidak mempunyai pakaian yang mencukupi dengan mengambil kira iklim, dan tidak mampu memperoleh apa-apa pakaian, pakaian itu hendaklah disediakan kepada mereka secara percuma oleh Kuasa Penahan.

Pakaian yang dibekalkan oleh Kuasa Penahan kepada orang tahanan dan tanda yang diletakkan di bahagian luar pakaian mereka, hendaklah tidak mengaibkan mereka dan tidak mendedahkan mereka kepada ejekan.

Pekerja hendaklah menerima pakaian kerja yang sesuai, termasuk pakaian perlindungan keselamatan, setiap kali pekerjaan mereka menghendakinya.

Bab IV

KEBERSIHAN DAN RAWATAN PERUBATAN

Perkara 91

Rawatan perubatan

Setiap tempat tahanan hendaklah mempunyai tempat rawatan yang memadai, bawah arahan seorang doktor berkelayakan, yang orang tahanan boleh mendapat perhatian yang dikehendaki dan juga diet yang sewajarnya. Wad pengasingan hendaklah disediakan bagi kes penyakit berjangkit atau mental.

Kes bersalin dan orang tahanan yang mengidap penyakit serius, atau yang keadaan mereka menghendaki rawatan khas, pembedahan atau rawatan hospital hendaklah dimasukkan ke dalam mana-mana institusi yang rawatan secukupnya boleh diberikan dan mendapat jagaan dengan mutu yang tidak kurang daripada yang disediakan bagi penduduk am.

Orang tahanan hendaklah, sebagai pilihan, mendapatkan rawatan daripada kakitangan perubatan yang mempunyai kerakyatan yang sama dengan mereka.

Orang tahanan tidak boleh dihalang daripada menghadirkan diri untuk pemeriksaan oleh pihak berkuasa perubatan. Pihak berkuasa perubatan Kuasa Penahan hendaklah, atas permintaan, mengeluarkan kepada setiap orang tahanan yang menjalani rawatan, satu sijil rasmi yang menunjukkan unsur penyakit atau kecederaannya, serta tempoh dan rawatan yang diberikan. Salinan pendua sijil ini hendaklah dikemukakan kepada Agensi Pusat yang diperuntukkan bawah Perkara 140.

Rawatan, termasuk penyediaan sembarang alat yang diperlukan bagi penjagaan orang tahanan untuk terus berada dalam kesihatan yang baik, terutamanya gigi palsu dan alat tiruan yang lain serta kaca mata, hendaklah diberikan secara percuma kepada orang tahanan.

Perkara 92

Pemeriksaan perubatan

Pemeriksaan perubatan terhadap orang tahanan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk mengawasi keadaan umum kesihatan, pemakanan dan kebersihan orang tahanan, serta untuk mengesan penyakit berjangkit, terutamanya batuk kering, malaria, dan penyakit kelamin. Pemeriksaan tersebut hendaklah merangkumi, secara khusus, pemeriksaan berat badan setiap orang tahanan dan, sekurang-kurangnya sekali setahun, pemeriksaan radioskopik.

Bab V

KEGIATAN KEAGAMAAN, INTELEK DAN JASMANI

Perkara 93

Kewajipan agama

Orang tahanan hendaklah menikmati kebebasan sepenuhnya dalam melaksanakan kewajipan keagamaan mereka, termasuk menghadiri upacara keagamaan, dengan syarat bahawa mereka mematuhi rutin disiplin yang ditetapkan oleh Pihak-pihak berkuasa penahanan.

Pemimpin agama yang ditahan hendaklah dibenarkan untuk memimpin secara bebas kegiatan agama bagi ahli komuniti agama mereka. Bagi tujuan ini, Kuasa Penahan hendaklah memastikan pemimpin agama diperuntukkan secara saksama antara pelbagai tempat tahanan yang mempunyai orang tahanan yang bertutur dalam bahasa sama dan menganut agama sama. Jika pemimpin tersebut terlalu sedikit bilangannya, Kuasa Penahan hendaklah menyediakan mereka dengan kemudahan yang perlu, termasuk pengangkutan, untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan mereka hendaklah diberi kuasa untuk melawat mana-mana orang tahanan yang berada di hospital. Pemimpin agama hendaklah bebas untuk berhubung dengan Pihak-pihak berkuasa keagamaan di negara yang menahan tentang hal berkenaan dengan kepimpinan keagamaan mereka dan, setakat yang boleh, dengan pertubuhan antarabangsa kepercayaan mereka. Perhubungan tersebut tidak boleh dianggap sebagai menjadi sebahagian daripada kuota yang disebut dalam Perkara 107. Walau bagaimanapun, hal ini hendaklah tertakluk pada peruntukan Perkara 112.

Apabila orang tahanan tidak dapat memperoleh bantuan daripada pemimpin bagi kepercayaan mereka, atau jika pemimpin keagamaan tersebut terlalu sedikit bilangannya, Pihak-pihak berkuasa keagamaan tempatan dengan kepercayaan yang sama boleh melantik, dengan persetujuan Kuasa Penahan, pemimpin yang sama kepercayaan dengan

orang tahanan atau, jika boleh dilaksanakan dari sudut mazhab, pemimpin daripada agama yang sama atau orang biasa yang berkelayakan. Orang biasa yang berkelayakan tersebut hendaklah dibenarkan untuk menikmati kemudahan yang diberikan bagi jawatan kepimpinan keagamaan yang didudukinya. Orang yang dilantik tersebut hendaklah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Kuasa Penahan demi kepentingan disiplin dan keselamatan.

Perkara 94

Rekreasi, pengajian, sukan dan permainan

Kuasa Penahan hendaklah menggalakkan kegiatan intelek, pendidikan dan rekreasi, sukan dan permainan dalam kalangan orang tahanan, dengan memberikan kebebasan kepada mereka untuk sama ada mengambil bahagian dalam kegiatan itu atau tidak. Kuasa itu hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan kegiatan tersebut, khususnya dengan menyediakan tempat yang sesuai.

Semua kemudahan yang boleh disediakan hendaklah diberikan kepada orang tahanan untuk meneruskan pengajian mereka atau untuk mempelajari perkara baharu. Pendidikan kanak-kanak dan belia hendaklah dipastikan; mereka hendaklah dibenarkan untuk menghadiri sekolah sama ada di dalam atau di luar tempat tahanan.

Orang tahanan hendaklah diberi peluang untuk senaman, sukan dan permainan luar. Bagi tujuan ini, ruang terbuka yang memadai hendaklah disediakan di semua tempat tahanan. Taman permainan khas hendaklah disediakan untuk kanak-kanak dan belia.

Perkara 95

Persekitaran kerja

Kuasa Penahan tidak boleh mengambil orang tahanan sebagai pekerja, kecuali mereka menginginkannya. Pekerjaan yang, jika dilakukan secara

paksa oleh orang dilindungi yang bukan dalam tahanan, akan melibatkan pelanggaran Perkara 40 atau 51 Konvensyen ini, dan pekerjaan yang dilakukan, yang bersifat menghina atau mengaibkan, dilarang dalam apa-apa jua keadaan.

Selepas bekerja selama enam minggu, orang tahanan hendaklah bebas untuk berhenti bekerja pada bila-bila masa, tertakluk pada notis lapan hari.

Peruntukan ini bukan merupakan penghalang kepada hak Kuasa Penahan untuk mengambil doktor, doktor gigi dan kakitangan perubatan lain dalam tahanan untuk bekerja dalam kapasiti profesional mereka bagi pihak rakan tahanan mereka, dan untuk mengambil bekerja orang tahanan bagi kerja pentadbiran atau penyelenggaraan di tempat tahanan dan untuk memperincikan orang tersebut untuk bekerja di dapur atau tugas domestik yang lain, atau untuk menghendaki orang tersebut menjalankan kewajipan yang berkaitan dengan perlindungan orang tahanan daripada pengeboman udara atau risiko peperangan yang lain. Walau bagaimanapun, orang tahanan tidak boleh dikehendaki untuk melakukan tugas yang, menurut pendapat pegawai perubatan, tidak sesuai baginya secara jasmani.

Kuasa Penahan hendaklah memikul tanggungjawab penuh bagi semua keadaan kerja, bagi rawatan perubatan, bagi pembayaran upah, dan bagi memastikan bahawa semua orang tahanan yang diambil bekerja mendapat ganti rugi bagi penyakit atau kemalangan kerja. Piawai yang ditetapkan bagi keadaan kerja tersebut dan bagi ganti rugi hendaklah selaras dengan undang-undang dan peraturan kebangsaan, dan dengan amalan sedia ada; keadaan kerja dan ganti rugi tersebut hendaklah, dalam apa-apa jua keadaan, tidak kurang daripada tahap yang diperoleh bagi kerja yang sama jenis di daerah yang sama. Upah bagi kerja yang dilakukan hendaklah ditentukan atas dasar yang saksama melalui perjanjian khas antara orang tahanan, Kuasa Penahan dan jika berkenaan, majikan selain daripada Kuasa Penahan, dengan pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada kewajipan Kuasa Penahan untuk menjaga orang tahanan secara percuma dan untuk memberikan rawatan perubatan menurut keperluan keadaan kesihatan mereka. Orang tahanan yang ditugaskan secara tetap bagi

kategori kerja yang disebut dalam perenggan ketiga Perkara ini, hendaklah dibayar upah yang adil oleh Kuasa Penahan. Keadaan kerja dan skala ganti rugi bagi penyakit atau kemalangan kerja berkenaan dengan orang tahanan, yang diperincikan tersebut, hendaklah tidak kurang daripada tahap yang terpakai bagi kerja sama jenis di daerah yang sama.

Perkara 96

Tempat kerja berasingan

Semua tempat kerja berasingan akan kekal sebagai sebahagian daripada dan bergantung pada tempat tahanan. Pihak berkuasa berwibawa bagi Kuasa Penahan dan komandan tempat tahanan hendaklah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan peruntukan Konvensyen ini di sesuatu tempat kerja berasingan. Komandan tersebut hendaklah menyimpan senarai terkini tempat kerja berasingan bawahnya dan hendaklah menyampaikan senarai ini kepada ahli delegasi Kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan pertubuhan kemanusiaan lain yang boleh melawat tempat tahanan.

Bab VI

HARTA PERIBADI DAN SUMBER KEWANGAN

Perkara 97

Barang berharga dan peribadi

Orang tahanan hendaklah diizinkan untuk terus memegang barang untuk kegunaan peribadi. Wang, cek, bon dan sebagainya, serta barang berharga yang dalam simpanan mereka, tidak boleh diambil daripada mereka, kecuali menurut tatacara yang ditetapkan. Resit terperinci hendaklah diberikan bagi pengambilan tersebut.

Jumlah wang yang diambil hendaklah dimasukkan ke dalam akaun setiap orang tahanan yang diperuntukkan dalam Perkara 98. Jumlah tersebut tidak boleh ditukarkan kepada mana-mana mata wang yang lain, melainkan jika perundangan yang berkuat kuasa di wilayah yang pemiliknyanya yang ditahan menghendakinya atau orang tahanan itu memberikan persetujuan.

Barang yang terutamanya mempunyai nilai peribadi atau sentimental tidak boleh diambil.

Tahanan perempuan tidak boleh diperiksa badannya kecuali oleh perempuan.

Apabila dibebaskan atau dipulangkan, orang tahanan hendaklah diberi semua barang, wang atau barang berharga lain yang diambil daripada mereka semasa penahanan dan hendaklah menerima dalam bentuk mata wang, apa-apa baki kredit dalam akaun mereka yang disimpan menurut Perkara 98, kecuali mana-mana barang atau jumlah yang masih dipegang oleh Kuasa Penahan berdasarkan perundangan yang berkuat kuasa. Jika harta seseorang tahanan masih dipegang, pemilik itu hendaklah mendapat resit yang terperinci.

Dokumen keluarga atau pengenalan milik orang tahanan tidak boleh diambil daripada mereka tanpa pemberian resit. Orang tahanan tidak boleh dibiarkan tanpa dokumen pengenalan pada bila-bila masa. Jika mereka tiada dokumen, mereka hendaklah dikeluarkan dokumen khas oleh Pihak-pihak berkuasa yang menahan, yang bertindak sebagai dokumen pengenalan mereka sehingga tamat penahanan mereka.

Orang tahanan boleh menyimpan pada diri mereka sejumlah wang tertentu, dalam bentuk wang tunai atau kupon pembelian, supaya mereka boleh membuat pembelian.

Perkara 98

Sumber kewangan dan akaun peribadi

Semua orang tahanan hendaklah mendapat elaun tetap yang cukup supaya mereka dapat membeli barangan dan barang tertentu seperti tembakau, keperluan tandas dan sebagainya. Elaun tersebut boleh berbentuk kredit atau kupon pembelian.

Selain itu, orang tahanan boleh menerima elaun daripada Kuasa yang mereka setia kepadanya, Kuasa-kuasa Pelindung, pertubuhan yang membantu mereka, atau keluarga mereka, dan juga pendapatan daripada harta mereka selaras dengan undang-undang Kuasa Penahan. Jumlah elaun yang diberikan oleh Kuasa yang mereka setia kepadanya hendaklah sama bagi setiap kategori orang tahanan (yang lemah, yang sakit, wanita hamil dan sebagainya), tetapi tidak boleh diperuntukkan oleh Kuasa tersebut atau diagihkan oleh Kuasa Penahan atas dasar pembezaan antara orang tahanan yang dilarang oleh Perkara 27 Konvensyen ini.

Kuasa Penahan hendaklah membuka akaun tetap bagi setiap orang tahanan, iaitu akaun yang hendak dikreditkan elaun yang disebut dalam Perkara ini, upah yang diperoleh dan kiriman wang yang diterima, bersama-sama jumlah yang diambil daripadanya sebagaimana yang diperuntukkan bawah perundangan yang berkuat kuasa di wilayah yang ia ditahan. Orang tahanan hendaklah diberi segala kemudahan yang selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa di wilayah tersebut untuk mengirim wang kepada keluarga mereka dan kepada tanggungan lain mereka. Mereka boleh mengeluarkan daripada akaun mereka jumlah yang perlu untuk perbelanjaan peribadi mereka, dalam lingkungan had yang ditetapkan oleh Kuasa Penahan. Mereka hendaklah pada setiap masa diberi kemudahan yang munasabah untuk merunding dan memperoleh salinan akaun mereka. Penyata akaun hendaklah diberikan kepada Kuasa Pelindung atas permintaan mereka, dan hendaklah disertakan apabila orang tahanan dipindahkan.

Bab VII

PENTADBIRAN DAN DISIPLIN

Perkara 99

Pentadbiran kem. Penampalan Konvensyen dan perintah

Setiap tempat tahanan hendaklah diletakkan bawah kuasa pegawai yang bertanggungjawab, yang dipilih daripada angkatan tentera atau pentadbiran awam tetap Kuasa Penahan. Pegawai yang bertanggungjawab terhadap tempat tahanan hendaklah memiliki salinan Konvensyen ini dalam bahasa rasmi atau dalam salah satu bahasa rasmi negaranya dan hendaklah bertanggungjawab terhadap pelaksanaannya. Kakitangan yang mengawal orang tahanan hendaklah diarahkan mematuhi peruntukan Konvensyen ini dan mematuhi langkah pentadbiran yang diambil untuk memastikan pelaksanaannya.

Teks Konvensyen ini dan teks perjanjian khas yang dimuktamadkan bawah Konvensyen tersebut hendaklah ditampalkan di tempat tahanan, dalam bahasa yang difahami oleh orang tahanan, atau hendaklah dalam milikan Jawatankuasa Orang Tahanan.

Peraturan, perintah, notis dan setiap jenis penerbitan hendaklah disampaikan kepada orang tahanan dan ditampalkan di tempat tahanan, dalam bahasa yang mereka faham.

Setiap perintah dan arahan kepada orang tahanan secara perseorangan hendaklah juga diberikan dalam bahasa yang mereka faham.

Perkara 100

Disiplin am

Sistem disiplin di tempat tahanan hendaklah selaras dengan prinsip kemanusiaan, dan hendaklah tidak merangkumi, dalam apa-apa jua keadaan peraturan yang dikenakan pada orang tahanan, apa-apa penggunaan jasmani yang membahayakan kesihatan mereka atau yang melibatkan penganiayaan tubuh atau moral. Pengenalan melalui pembuatan tatu atau tanda pada tubuh badan, dilarang.

Secara khusus, berdiri dan melakukan panggilan nama yang berpanjangan, hukuman latihan ketenteraan, latihan dan pergerakan ketenteraan, atau pengurangan makanan, dilarang.

Perkara 101

Aduan dan petisyen

Orang tahanan berhak menyerahkan kepada Pihak-pihak berkuasa dalam kuasa yang mereka berada, apa-apa petisyen tentang keadaan penahanan yang mereka alami.

Mereka juga berhak memohon tanpa sekatan melalui Jawatankuasa Orang Tahanan atau, jika mereka anggap perlu, terus kepada wakil Kuasa Pelindung, untuk menunjukkan apa-apa perkara yang boleh mereka adukan tentang keadaan penahanan.

Petisyen dan aduan tersebut hendaklah dihantar dengan serta-merta dan tanpa perubahan, dan walaupun petisyen dan aduan tersebut diiktiraf sebagai tidak berasas, petisyen dan aduan tersebut tidak boleh menyebabkan apa-apa hukuman.

Laporan berkala tentang keadaan di tempat tahanan dan tentang keperluan orang tahanan, boleh dihantar oleh Jawatankuasa Orang Tahanan kepada wakil Kuasa-kuasa Pelindung.

Perkara 102

Jawatankuasa orang tahanan

I. Pemilihan ahli

Di setiap tempat tahanan, orang tahanan hendaklah bebas untuk memilih melalui undi sulit setiap enam bulan, ahli Jawatankuasa yang diberi kuasa untuk mewakili mereka di hadapan Kuasa Penahan dan Kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan mana-mana pertubuhan

lain yang boleh membantu mereka. Ahli Jawatankuasa tersebut layak untuk dipilih semula.

Orang tahanan yang dipilih tersebut hendaklah mula melaksanakan kewajipan mereka selepas pemilihan mereka diluluskan oleh Pihak-pihak berkuasa penahanan. Sebab bagi sembarang penolakan atau pemecatan hendaklah disampaikan kepada Kuasa-kuasa Pelindung yang berkenaan.

Perkara 103

Kewajipan

Jawatankuasa Orang Tahanan hendaklah meningkatkan kesejahteraan jasmani, rohani dan intelek orang tahanan.

Jika orang tahanan memutuskan, khususnya, untuk mengaturkan suatu sistem bantuan bersama antara mereka, pertubuhan ini terangkum dalam kelayakan Jawatankuasa sebagai tambahan kepada kewajipan khas yang diamanahkan kepada mereka bawah peruntukan lain Konvensyen ini.

Perkara 104

Hak mutlak

Ahli Jawatankuasa Orang Tahanan tidak boleh dikehendaki untuk melakukan apa-apa pekerjaan lain, jika pekerjaan itu menyebabkan kesukaran untuk memenuhi kewajipan mereka.

Ahli Jawatankuasa Orang Tahanan boleh melantik pembantu dalam kalangan orang tahanan sebagaimana mereka perlukan. Semua kemudahan penting hendaklah diberikan kepada mereka, terutamanya kebebasan pergerakan yang perlu untuk memenuhi tugas mereka (lawatan ke tempat kerja berasingan, penerimaan bekalan dan lain-lain).

Segala kemudahan juga hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa Orang Tahanan bagi perhubungan melalui pos dan telegraf dengan Pihak-pihak berkuasa penahanan, Kuasa-kuasa Pelindung, Jawatankuasa

Antarabangsa Palang Merah dan ahli delegasinya, dan dengan pertubuhan bantuan kepada orang tahanan. Ahli Jawatankuasa di tempat kerja berasingan hendaklah menikmati kemudahan yang serupa bagi komunikasi dengan Jawatankuasa Orang Tahanan di tempat tahanan yang utama. Komunikasi tersebut hendaklah tidak dihadkan, dan tidak dianggap sebagai membentuk sebahagian daripada kuota yang disebut dalam Perkara 107.

Ahli Jawatankuasa Orang Tahanan yang dipindahkan hendaklah diberi masa yang munasabah untuk membiasakan pengganti mereka dengan hal ehwal semasa.

Bab VIII HUBUNGAN DENGAN DUNIA LUAR

Perkara 105

Pemakluman langkah yang diambil

Sebaik sahaja orang dilindungi ditahan, Kuasa-kuasa Penahan hendaklah memaklumkan mereka, dan Kuasa yang mereka berikan kesetiaan dan Kuasa Pelindung mereka tentang langkah yang diambil untuk melaksanakan peruntukan Bab ini. Mereka juga hendaklah memaklumkan Pihak-pihak berkenaan tentang apa-apa pengubahsuaian berikutnya pada langkah tersebut.

Perkara 106

Kad penahanan

Sebaik sahaja ditahan, atau selewat-lewatnya tidak lebih dari seminggu setelah tiba di tempat tahanan, dan begitu juga dalam keadaan sakit atau pemindahan ke tempat tahanan lain atau ke hospital, setiap tahanan hendaklah diberi keupayaan untuk menulis secara terus kepada keluarganya, pada suatu pihak, dan kepada Agensi Pusat yang diperuntukkan dalam Perkara 140, pada pihak yang lain, suatu kad yang

serupa, seboleh mungkin, dengan model yang dilampirkan pada Konvensyen ini, yang memaklumkan saudara-maranya tentang tahanan, alamat dan keadaan kesihatannya. Kad tersebut hendaklah dikemukakan secepat mungkin dan tidak boleh dilengahkan dalam apa-apa jua cara.

Perkara 107

Surat-menyurat

Orang tahanan hendaklah dibenarkan untuk menghantar dan menerima surat dan kad. Jika Kuasa Penahan menganggap perlu untuk mengehadikan bilangan surat dan kad yang dihantar oleh setiap orang tahanan, bilangan tersebut hendaklah tidak kurang daripada dua surat dan empat kad sebulan; surat dan kad ini hendaklah dikeluarkan supaya mematuhi sebaik-baiknya model yang dilampirkan pada Konvensyen ini. Jika had dikenakan pada surat yang dialamatkan kepada orang tahanan, had itu hanya boleh diperintahkan oleh Kuasa yang orang tahanan itu berikan kesetiaan, yang mungkin dilakukan atas permintaan Kuasa Penahan. Surat dan kad tersebut hendaklah dihantar dalam masa yang munasabah; penghantaran surat dan kad itu tidak boleh dilengahkan atau ditahan atas sebab disiplin.

Orang tahanan yang sudah lama tidak menerima berita, atau yang mendapati mustahil baginya untuk menerima berita daripada saudara-mara mereka, atau untuk memberikan berita kepada saudara-mara melalui pos biasa, dan juga orang tahanan yang berada di tempat yang sangat jauh dari tempat kediaman mereka, hendaklah dibenarkan untuk menghantar telegram, yang mana mereka akan membayar caj yang dikenakan dengan mata wang yang ada pada mereka. Mereka juga hendaklah mendapat manfaat daripada peruntukan ini dalam hal segera.

Sebagai peraturan, mel orang tahanan hendaklah ditulis dalam bahasa mereka sendiri. Pihak yang berkonflik boleh membenarkan surat dalam bahasa lain.

Perkara 108

Kapal bantuan

Orang tahanan hendaklah dibenarkan untuk menerima melalui pos atau melalui apa-apa kaedah yang lain, bungkusan peribadi atau penghantaran secara berkelompok yang mengandungi, secara khusus, bahan makanan, pakaian, bekalan ubat-ubatan dan juga buku dan barang yang bersifat keagamaan, pendidikan atau rekreasi yang dapat memenuhi keperluan mereka. Penghantaran tersebut sekali-kali tidak melepaskan Kuasa Penahan daripada kewajipan yang dikenakan padanya oleh Konvensyen ini.

Jika keperluan ketenteraan menghendaki kuantiti penghantaran tersebut dihadkan, notis yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada Kuasa Pelindung dan kepada Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, atau kepada mana-mana pertubuhan lain yang memberikan bantuan kepada orang tahanan dan bertanggungjawab untuk mengirim penghantaran tersebut.

Syarat bagi penghantaran bungkusan individu dan berkelompok hendaklah, jika perlu, menjadi perkara bawah perjanjian khas antara Kuasa-kuasa yang berkenaan, yang tidak boleh sekali-kali melengahkan penerimaan bekalan bantuan oleh orang tahanan itu. Bungkusan pakaian dan bahan makanan tidak boleh merangkumi buku. Bekalan bantuan perubatan hendaklah, sebagai suatu peraturan, dihantar dalam bungkusan berkelompok.

Perkara 109

II. Bantuan berkelompok

Jika tiada perjanjian khas antara Pihak-pihak yang berkonflik tentang syarat penerimaan dan pengagihan penghantaran bekalan bantuan secara berkelompok, peraturan tentang bantuan berkelompok, yang dilampirkan pada Konvensyen ini, hendaklah diterima pakai.

Perjanjian khas yang disebut di atas tidak boleh sekali-kali mengehendkan hak Jawatankuasa Orang Tahanan untuk mengambil milik penghantaran bekalan bantuan berkelompok yang dimaksudkan untuk orang tahanan, untuk mengagihkannya, dan untuk menyelesaikannya demi kepentingan orang tahanan.

Perjanjian tersebut juga hendaklah tidak mengehendkan hak wakil Kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan lain yang memberikan bantuan kepada orang tahanan dan bertanggungjawab atas pelanjutan penghantaran berkelompok, untuk mengawal selia pengagihan penghantaran tersebut kepada penerima.

Perkara 110

III. Pengecualian daripada bayaran pengeposan dan pengangkutan

Semua penghantaran bantuan untuk orang tahanan hendaklah dikecualikan daripada duti import, kastam dan bayaran lain.

Semua barang yang dihantar melalui mel, termasuk bungkusan bantuan yang dihantar melalui bungkusan pos dan kiriman wang yang dialamatkan dari negara lain kepada orang tahanan atau yang mereka hantar melalui pejabat pos, sama ada secara langsung atau melalui Biro Maklumat yang diperuntukkan dalam Perkara 136 dan Agensi Penerangan Pusat yang diperuntukkan dalam Perkara 140, hendaklah dikecualikan daripada semua bayaran pos, sama ada di negara asal, negara destinasi, atau negara perantaraan. Bagi tujuan ini, khususnya, pengecualian yang diperuntukkan oleh Konvensyen Pos Sedunia 1947 dan oleh perjanjian Kesatuan Pos Sedunia yang memihak kepada orang awam dengan kerakyatan negara musuh yang ditahan di kem atau penjara awam, hendaklah diperluas kepada orang tahanan lain yang dilindungi oleh Konvensyen ini.

Kos pengangkutan penghantaran bantuan yang dimaksudkan untuk orang tahanan dan yang, atas sebab berat bungkusan itu atau sebab lain, tidak boleh dihantar melalui pejabat pos, hendaklah ditanggung oleh Kuasa Penahan di semua wilayah bawah kawalan mereka. Kuasa-kuasa lain yang

merupakan Pihak-pihak kepada Konvensyen ini hendaklah menanggung kos pengangkutan di wilayah masing-masing.

Kos berkaitan dengan pengangkutan penghantaran tersebut, yang tidak dirangkumi oleh perenggan di atas, hendaklah dicaj kepada penghantarnya.

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah berusaha untuk mengurangkan, setakat yang boleh, caj bagi telegram yang dihantar oleh orang tahanan, atau yang dialamatkan kepada mereka.

Perkara 111

Kaedah pengangkutan khas

Jika operasi ketenteraan menghalang Kuasa-kuasa berkenaan daripada memenuhi kewajipan mereka untuk memastikan penyampaian mel dan penghantaran bantuan yang diperuntukkan dalam Perkara 106, 107, 108 dan 113, Kuasa-kuasa Pelindung yang berkenaan, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan lain yang Pihak-pihak yang berkonflik luluskan boleh menyampaikan penghantaran tersebut melalui kaedah yang sesuai (kereta api, kenderaan bermotor, kapal atau pesawat dan lain-lain). Bagi tujuan ini, Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah berusaha untuk membekalkan mereka dengan pengangkutan tersebut, dan membenarkan perjalanan pengangkutan tersebut, terutamanya dengan memberikan perlindungan keselamatan yang perlu kepada mereka.

Pengangkutan tersebut juga boleh digunakan untuk mengangkut:

- (a) pertukaran surat, senarai dan laporan antara Agensi Penerangan Pusat yang dirujuk dalam Perkara 140 dan Biro Kebangsaan yang disebut dalam Perkara 136;
- (b) pertukaran surat dan laporan tentang orang tahanan Kuasa-kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan lain yang membantu orang tahanan sama ada antara ahli delegasi mereka sendiri atau dengan Pihak-pihak yang berkonflik.

Peruntukan ini tidak sekali-kali menjejaskan hak mana-mana Pihak yang berkonflik untuk mengatur kaedah pengangkutan yang lain, jika kaedah berkenaan lebih diutamakan, dan tidak menghalang pemberian perlindungan keselamatan, menurut syarat yang dipersetujui bersama, kepada kaedah pengangkutan tersebut.

Kos yang timbul daripada penggunaan kaedah pengangkutan tersebut hendaklah ditanggung, secara berkadaran dengan kepentingan penghantaran tersebut, oleh Pihak-pihak yang berkonflik yang rakyat mereka mendapat manfaat daripada pengangkutan tersebut.

Perkara 112

Penapisan dan pemeriksaan

Penapisan surat yang dialamatkan kepada orang tahanan atau yang mereka hantar hendaklah dilakukan secepat mungkin.

Pemeriksaan kiriman yang dimaksudkan untuk orang tahanan, hendaklah tidak dijalankan dalam keadaan yang mendedahkan barang yang terdapat dalam kiriman itu kepada kemerosotan. Pemeriksaan hendaklah dilakukan di hadapan orang tahanan selaku penerima atau rakan tahanan yang diwakili oleh penerima itu. Penghantaran kiriman peribadi atau berkelompok kepada orang tahanan hendaklah tidak dilengahkan atas alasan kesukaran penapisan.

Apa-apa larangan surat-menyurat yang diperintahkan oleh Pihak-pihak yang berkonflik, sama ada atas sebab ketenteraan atau politik, hendaklah bersifat sementara dan tempohnya hendaklah sesingkat mungkin.

Perkara 113

Pelaksanaan dan penghantaran dokumen undang-undang

Kuasa-kuasa Penahan hendaklah menyediakan segala kemudahan bagi penyampaian, melalui Kuasa Pelindung atau Agensi Pusat yang

diperuntukkan dalam Perkara 140, atau sebagaimana perlu, bagi wasiat, surat kuasa wakil, surat beri kuasa, atau apa-apa dokumen lain yang dimaksudkan untuk orang tahanan atau yang mereka hantar.

Dalam semua keadaan, Kuasa-kuasa Penahan hendaklah memudahkan pelaksanaan dan pengesahan dokumen tersebut dari segi undang-undang bagi pihak orang tahanan; terutamanya dengan membenarkan mereka mendapatkan khidmat peguam.

Perkara 114

Pengurusan harta

Kuasa Penahan hendaklah memberi orang tahanan segala kemudahan untuk membolehkan mereka mengurus harta mereka, dengan syarat bahawa hal ini tidak bertentangan dengan keadaan penahanan dan undang-undang yang terpakai. Bagi tujuan ini, Kuasa tersebut boleh memberi mereka keizinan untuk meninggalkan tempat tahanan dalam keadaan segera dan jika keadaan membenarkan.

Perkara 115

Dalam semua keadaan jika orang yang ditahan menjadi pihak dalam prosiding di mahkamah, Kuasa Penahan hendaklah, jika diminta demikian, memaklumkan mahkamah tentang penahanannya dan hendaklah, dalam lingkungan had undang-undang, memastikan bahawa semua langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan dirinya daripada diprejudiskan dalam apa-apa jua cara, oleh sebab penahanannya, tentang persediaan dan pengendalian kesnya atau tentang pelaksanaan apa-apa penghakiman mahkamah.

Perkara 116

Lawatan

Setiap orang tahanan hendaklah dibenarkan untuk menerima pelawat terutamanya saudara-mara terdekat, pada selang masa yang tetap dan sekerap mungkin.

Setakat yang boleh, orang tahanan hendaklah diizinkan untuk melawat rumah mereka dalam hal kecemasan, terutamanya dalam hal kematian atau penyakit serius saudara-mara.

Bab IX SEKATAN KESEKSAAN DAN DISIPLIN

Perkara 117

Peruntukan am. Undang-undang boleh guna

Tertakluk pada peruntukan Bab ini, undang-undang yang berkuat kuasa di wilayah yang mereka ditahan akan terus terpakai kepada orang tahanan yang melakukan kesalahan semasa tahanan.

Jika undang-undang, peraturan atau perintah am mengisytiharkan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh orang tahanan boleh dihukum, sedangkan perbuatan yang sama tidak boleh dihukum apabila perbuatan itu dilakukan oleh orang bukan tahanan, perbuatan tersebut hendaklah membawa hukuman disiplin sahaja.

Tiada orang tahanan yang boleh dihukum lebih daripada sekali bagi perbuatan atau atas tuduhan yang sama.

Perkara 118

Denda

Mahkamah dan Pihak-pihak berkuasa hendaklah dalam menetapkan hukuman mengambil kira, setakat yang boleh, kenyataan bahawa defendan bukan rakyat Kuasa Penahan. Mahkamah dan Pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah bebas untuk mengurangkan denda yang diperuntukkan untuk

kesalahan yang orang tahanan dipertuduhkan, dan tidaklah berkewajipan, bagi tujuan ini, untuk melaksanakan hukuman minimum yang ditetapkan.

Pemenjaraan di tempat tanpa cahaya siang, dan, secara amnya apa-apa bentuk kezaliman tanpa pengecualian, dilarang.

Orang tahanan yang menjalani hukuman disiplin atau kehakiman hendaklah tidak dilayan secara berbeza daripada orang tahanan yang lain.

Tempoh tahanan pencegahan yang seseorang tahanan jalani hendaklah ditolak daripada apa-apa hukuman disiplin atau kehakiman yang melibatkan pengurangan yang dijatuhkan ke atasnya.

Jawatankuasa Orang Tahanan hendaklah dimaklumkan tentang semua prosiding kehakiman yang dimulakan terhadap orang tahanan yang mereka wakili, dan tentang keputusan prosiding tersebut.

Perkara 119

Hukuman disiplin

Hukuman disiplin yang terpakai kepada orang tahanan adalah seperti yang berikut:

- (1) Denda tidak melebihi 50 peratus daripada upah yang sepatutnya orang tahanan terima jika tidak dikenakan hukuman disiplin menurut peruntukan Perkara 95 bagi tempoh tidak lebih daripada 30 hari.
- (2) Penamatan hak istimewa melebihi layanan yang diperuntukkan oleh Konvensyen ini.
- (3) Tugas tidak melibatkan penggunaan senjata, yang tidak melebihi dua jam sehari, berkaitan dengan penyenggaraan tempat tahanan.
- (4) Pengurangan.

Denda disiplin tidak boleh sekali-kali bersifat tidak berperikemanusiaan, kejam atau berbahaya kepada kesihatan orang tahanan. Pertimbangan hendaklah diberikan kepada umur, jantina dan keadaan kesihatan orang tahanan.

Tempoh mana-mana hukuman tunggal tidak boleh sekali-kali melebihi tempoh maksimum 30 hari berturut-turut, walaupun orang tahanan bertanggungjawab atas beberapa pelanggaran disiplin apabila kesnya ditangani, sama ada pelanggaran tersebut berkait atau tidak.

Perkara 120

Pelarian diri

Orang tahanan yang ditangkap semula setelah melarikan diri atau semasa cuba melarikan diri, hendaklah dikenakan hukuman disiplin berkaitan dengan perbuatan itu sahaja, walaupun kesalahan itu kesalahan berulang.

Tanpa mengambil kira Perkara 118, perenggan 3, orang tahanan yang dihukum akibat melarikan diri atau cuba melarikan diri boleh dikenakan pengawasan khas, dengan syarat bahawa pengawasan tersebut mestilah tidak menjejaskan keadaan kesihatan mereka, mestilah dijalankan di tempat tahanan dan mestilah tidak mengakibatkan penghapusan mana-mana langkah penjagaannya yang diberikan oleh Konvensyen ini.

Orang tahanan yang membantu dan yang bersubahat untuk melarikan diri, atau cuba melarikan diri, hendaklah dikenakan hukuman disiplin sahaja bagi pertuduhan ini.

Perkara 121

Kesalahan yang berkait

Perbuatan melarikan diri atau cubaan untuk melarikan diri, walaupun kesalahan itu kesalahan berulang, hendaklah tidak dianggap sebagai keadaan yang memberatkan dalam kes apabila seseorang tahanan didakwa atas kesalahan yang dilakukannya semasa melarikan diri.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah memastikan bahawa Pihak-pihak berkuasa yang berwibawa memberikan kelonggaran dalam memutuskan sama ada hukuman yang dijatuhkan bagi sesuatu kesalahan hendaklah

bersifat disiplin atau kehakiman, terutamanya tentang perbuatan yang dilakukan berkaitan dengan melarikan diri, sama ada berjaya atau tidak.

Perkara 122

Penyiasatan. Pengurangan sementara pendengaran

Perbuatan yang membentuk kesalahan disiplin hendaklah disiasat dengan segera. Peraturan ini hendaklah terpakai khususnya dalam kes melarikan diri atau cubaan melarikan diri. Orang tahanan yang ditangkap semula hendaklah diserahkan kepada Pihak-pihak berkuasa berwibawa secepat mungkin.

Dalam hal kesalahan disiplin, pengurangan sementara menunggu perbicaraan hendaklah dikurangkan ke tahap paling minimum dan tidak boleh melebihi empat belas hari. Tempoh pengurangan hendaklah dalam apa-apa jua kes dikurangkan daripada mana-mana hukuman pengurangan lain yang dikenakan sebelum ini.

Peruntukan Perkara 124 dan 125 hendaklah terpakai kepada orang tahanan dalam pengurangan sementara menunggu perbicaraan tentang kesalahan disiplin.

Perkara 123

Pihak berkuasa berwibawa. Tatacara

Tanpa menjejaskan kewibawaan mahkamah dan Pihak-pihak berkuasa yang lebih tinggi, hukuman disiplin hanya boleh diperintahkan oleh komandan tempat tahanan, atau oleh pegawai yang bertanggungjawab, atau yang menggantikannya, atau kepada siapa yang diwakilkan olehnya Kuasa-kuasa disiplin.

Sebelum apa-apa hukuman disiplin diputuskan, orang tahanan tertuduh hendaklah diberi maklumat yang tepat tentang kesalahan yang dituduhkan ke atasnya, dan diberi peluang untuk memberikan penjelasan tentang

tingkah lakunya dan untuk membela dirinya. Dia hendaklah diizinkan, khususnya untuk memanggil saksi dan untuk mendapatkan, jika perlu, khidmat penterjemah yang berkelayakan. Keputusan hendaklah diumumkan dalam kehadiran tertuduh dan ahli Jawatankuasa Orang Tahanan.

Tempoh antara keputusan hukuman disiplin dan pelaksanaannya hendaklah tidak melebihi satu bulan.

Apabila tahanan diputuskan hukuman disiplin lanjut, tempoh sekurang-kurangnya tiga hari hendaklah berlalu antara pelaksanaan mana-mana dua daripada hukuman itu, jika tempoh bagi salah satu hukuman itu sepuluh hari atau lebih.

Rekod tentang hukuman disiplin hendaklah diurus oleh komandan tempat tahanan dan hendaklah dibuka untuk pemeriksaan oleh wakil Kuasa Pelindung.

Perkara 124

Tempat untuk hukuman disiplin

Orang tahanan sekali-kali hendaklah tidak dipindahkan ke sesuatu institusi penjara (penjara, penitensiari, penjara banduan dsb) untuk menjalani hukuman disiplin tersebut.

Tempat hukuman disiplin dilaksanakan hendaklah memenuhi kewajipan kebersihan: mereka hendaklah khususnya diberikan kelengkapan tempat tidur yang memadai. Orang tahanan yang menjalani hukuman hendaklah diberi keupayaan bagi menjaga diri mereka untuk berada dalam keadaan yang bersih.

Orang tahanan wanita yang menjalani hukuman disiplin hendaklah dikurung di dalam ruang yang berasingan daripada orang tahanan lelaki dan diawasi secara langsung oleh wanita.

Perkara 125

Perlindungan asas

Orang tahanan yang dijatuhkan hukuman disiplin hendaklah dibenarkan untuk bersenam dan berada dalam pengudaraan terbuka sekurang-kurangnya selama dua jam sehari.

Mereka hendaklah dibenarkan, jika mereka minta, untuk hadir pada pemeriksaan perubatan harian. Mereka hendaklah mendapat perhatian perubatan sebagaimana yang keadaan kesihatan mereka perlukan dan, jika perlu, hendaklah dipindahkan ke kawasan rawatan di tempat tahanan atau hospital.

Mereka hendaklah diizinkan untuk membaca dan menulis, begitu juga untuk mengirim dan menerima surat. Walau bagaimanapun, bungkusan dan kiriman wang boleh dipegang hingga hukuman selesai dijalani; kiriman tersebut sementara itu hendaklah diamanahkan kepada Jawatankuasa Orang Tahanan, yang akan menyerahkan kepada tempat rawatan di tempat tahanan barang boleh luput yang terkandung dalam bungkusan tersebut.

Tiada orang tahanan yang dijatuhkan hukuman disiplin boleh dilucutkan manfaat peruntukan Perkara 107 dan 143 Konvensyen ini.

Perkara 126

Peruntukan boleh guna untuk prosiding kehakiman

Peruntukan Perkara 71 hingga 76 terangkum, hendaklah terpakai, secara kias, kepada prosiding terhadap orang tahanan yang berada di wilayah negara Kuasa Penahan.

Bab X

PEMINDAHAN ORANG TAHANAN

Perkara 127

Keadaan

Pemindahan orang tahanan hendaklah sentiasa dilaksanakan dengan perikemanusiaan. Sebagai peraturan am, pemindahan hendaklah dijalankan melalui kereta api atau cara pengangkutan yang lain, dan dalam keadaan yang sekurang-kurangnya sama rata dengan keadaan pemindahan angkatan Kuasa Penahan apabila bertukar stesen. Jika, sebagai langkah luar biasa, pemindahan tersebut mesti dilakukan dengan berjalan kaki, pemindahan tersebut tidak boleh dilakukan kecuali orang tahanan dalam keadaan kesihatan yang sesuai, dan sekali-kali tidak boleh mendedahkan mereka kepada keletihan melampau.

Kuasa Penahan hendaklah membekali orang tahanan semasa pemindahan dengan makanan dan air yang mencukupi dari segi kuantiti, kualiti dan kepelbagaian untuk menjaga kesihatan baik mereka, dan juga dengan pakaian yang perlu, tempat berteduh yang memadai dan perhatian perubatan yang perlu. Kuasa Penahan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk memastikan keselamatan mereka semasa pemindahan, dan hendaklah membuat, sebelum mereka berangkat, senarai lengkap semua orang tahanan yang dipindahkan.

Orang tahanan yang sakit, cedera, atau lemah dan kes keibuan hendaklah tidak dipindahkan jika perjalanan itu memudaratkan mereka dengan serius, kecuali apabila keselamatan mereka terutamanya menghendaki pemindahan tersebut.

Apabila zon pertempuran semakin menghampiri tempat tahanan, orang tahanan yang berada di tempat tahanan tersebut hendaklah tidak dipindahkan, kecuali apabila pemindahan itu dapat dijalankan dalam keadaan yang cukup selamat, atau jika mereka terdedah kepada risiko yang lebih besar jika terus tinggal di tempat itu berbanding dengan dipindahkan.

Apabila membuat keputusan tentang pemindahan orang tahanan, Kuasa Penahan hendaklah mengambil kira kepentingan orang tahanan dan,

khususnya, hendaklah tidak melakukan apa-apa untuk menambahkan kesukaran dalam penghantaran pulang atau pemulangan ke rumah mereka.

Perkara 128

Kaedah

Jika berlaku pemindahan, orang tahanan hendaklah dinasihatkan secara rasmi tentang keberangkatan mereka dan alamat pos baharu mereka. Pemberitahuan tersebut hendaklah diberikan bersama masa untuk mereka mengemas barang dan memaklumi waris mereka.

Mereka hendaklah dibenarkan membawa bersama barangan peribadi mereka, dan surat serta bungkusan yang tiba untuk mereka. Berat bagasi tersebut boleh dihadkan jika keadaan pemindahan menghendakinya, tetapi tidak sekali-kali kurang daripada dua puluh lima kilogram masing-masing bagi setiap tahanan.

Surat dan bungkusan yang dialamatkan ke tempat tahanan lama hendaklah diserahkan kepada mereka tanpa kelengahan.

Komandan tempat tahanan, hendaklah mengambil, dengan persetujuan Jawatankuasa Orang Tahanan, apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan pengangkutan harta benda milik bersama orang tahanan dan bagasi yang tidak boleh dibawa bersama mereka akibat had yang dikenakan berdasarkan perenggan kedua Perkara ini.

Bab XI

KEMATIAN

Perkara 129

Wasiat. Sijil kematian

Wasiat orang tahanan hendaklah diterima untuk disimpan dengan selamat oleh Pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab; dan jika

berlaku kematian seorang tahanan, wasiatnya hendaklah dihantar kepada seseorang yang ditetapkannya dengan segera.

Kematian orang tahanan hendaklah disahkan bagi setiap kes oleh doktor, dan sijil kematian hendaklah dikeluarkan, menyatakan sebab kematian dan keadaan yang menyebabkan kematian tersebut berlaku.

Rekod rasmi tentang kematian, yang didaftarkan dengan sewajarnya, hendaklah disediakan menurut tatacara berkaitan yang berkuat kuasa di wilayah yang letaknya tempat tahanan tersebut, dan salinan rekod tersebut yang diakui sah hendaklah dihantar dengan segera kepada Kuasa Pelindung dan Agensi Pusat yang dirujuk dalam Perkara 140.

Perkara 130

Pengebumian. Pembakaran mayat

Pihak-pihak berkuasa yang menahan hendaklah memastikan supaya orang tahanan yang mati dalam tahanan dikebumikan secara hormat, jika boleh menurut upacara agama mereka, dan supaya kubur mereka dihormati, dipelihara sewajarnya dan ditandai dengan cara yang kubur itu dapat sentiasa dikenal pasti.

Orang tahanan si mati hendaklah dikebumikan dalam kubur berasingan, kecuali keadaan yang tidak boleh dielakkan menghendaki penggunaan kubur beramai-ramai. Mayat hanya boleh dibakar atas sebab kesihatan yang mustahak, berdasarkan agama si mati atau menurut hasrat jelas si mati tentang pelaksanaan ini. Fakta tentang, dan sebab, pembakaran mayat itu hendaklah dinyatakan dalam sijil kematian si mati. Abu mayat itu hendaklah disimpan dengan selamat oleh Pihak-pihak berkuasa yang menahan dan hendaklah dipindahkan secepat mungkin kepada waris terdekat berdasarkan permintaan mereka.

Sebaik sahaja keadaan mengizinkan, dan tidak melebihi masa tamatnya pertempuran, Kuasa Penahan hendaklah melanjutkan senarai kubur orang tahanan yang mati kepada Kuasa-kuasa yang orang tahanan itu bergantung

melalui Biro Maklumat yang diperuntukkan bawah Perkara 136. Senarai tersebut hendaklah merangkumi semua butiran yang perlu untuk mengenal pasti orang tahanan yang mati dan juga lokasi tepat kubur mereka.

Perkara 131

Orang tahanan terbunuh atau cedera dalam hal keadaan khas

Setiap kematian atau kecederaan parah yang dialami oleh tahanan yang disebabkan atau disyaki disebabkan oleh pengawal, orang tahanan lain atau mana-mana orang lain, dan mana-mana kematian yang tidak diketahui sebabnya, hendaklah segera disusuli dengan siasatan rasmi oleh Kuasa Penahan.

Komunikasi tentang perkara ini hendaklah segera dihantar kepada Kuasa Pelindung. Keterangan mana-mana saksi hendaklah diambil, dan satu laporan yang mengandungi keterangan tersebut hendaklah disediakan dan dilanjutkan kepada Kuasa Pelindung itu.

Jika siasatan tersebut menunjukkan kebersalahan seseorang atau lebih, Kuasa Penahan hendaklah mengambil semua langkah yang perlu bagi pendakwaan seorang atau semua yang bertanggungjawab.

Bab XII

PEMBEBASAN, PENGHANTARAN PULANG DAN PENEMPATAN DI NEGARA BERKECUALI

Perkara 132

Semasa pertempuran atau pendudukan

Setiap orang yang ditahan hendaklah dibebaskan oleh Kuasa Penahan, sebaik sahaja alasan yang menghendaki penahanannya tidak lagi wujud.

Selain itu, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah berusaha semasa berlakunya pertempuran, untuk memuktamadkan perjanjian bagi pembebasan, penghantaran pulang, pemulangan ke tempat kediaman atau

penempatan di sesebuah negara berkecuali bagi golongan orang tahanan tertentu, khususnya kanak-kanak, wanita hamil dan ibu dengan bayi dan anak kecil, yang cedera dan sakit, dan orang tahanan yang telah lama ditahan.

Perkara 133

Selepas tamatnya pertempuran

Penahanan hendaklah dihentikan secepat mungkin selepas tamatnya pertempuran.

Orang tahanan di wilayah salah satu Pihak yang berkonflik, yang dikenakan prosiding jenayah yang belum selesai bagi kesalahan yang tidak tertakluk secara khusus pada hukuman disiplin, boleh ditahan sehingga tamat prosiding tersebut, dan jika keadaan menghendakinya, sehingga hukuman selesai dijalani. Peruntukan yang sama hendaklah terpakai kepada orang tahanan yang dihukum sebelum ini dengan hukuman yang melucutkan kebebasannya.

Melalui persetujuan antara Kuasa Penahan dan Kuasa-kuasa yang berkenaan, jawatankuasa boleh dibentuk selepas tamatnya pertempuran, atau pendudukan wilayah, untuk mencari orang tahanan yang bertebaran.

Perkara 134

Penghantaran pulang dan kembali ke tempat tinggal akhir

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah berusaha, apabila tamatnya pertempuran atau pendudukan, untuk memastikan pemulangan semua orang tahanan ke tempat tinggal mereka yang terakhir, atau untuk memudahkan penghantaran pulang mereka.

Perkara 135

Kos

Kuasa Penahan hendaklah menanggung perbelanjaan untuk memulangkan orang tahanan yang dibebaskan ke tempat tinggal mereka semasa ditahan, atau jika Kuasa tersebut memasukkan mereka dalam jagaan semasa mereka berada dalam transit atau berada di laut lepas, kos untuk melengkapkan perjalanan mereka atau memulangkan mereka ke tempat mereka mula-mula berangkat.

Apabila Kuasa Penahan enggan memberikan keizinan kepada orang tahanan yang dibebaskan untuk tinggal di wilayahnya yang sebelum itu dia bermastautin tetap di wilayah tersebut, Kuasa Penahan tersebut hendaklah membayar kos penghantaran pulang orang tahanan tersebut. Jika orang tahanan itu, bagaimanapun, memilih untuk kembali ke negaranya atas tanggungjawab sendiri, atau berdasarkan pematuhan kepada Kerajaan Kuasa yang dia berikan kesetiaan, Kuasa Penahan tidak perlu membayar kos perjalanannya lebih dari tempat berlepas dari wilayah Kuasa Penahan. Kuasa Penahan tidak perlu membayar kos penghantaran pulang tahanan yang ditahan atas permintaannya sendiri.

Jika orang tahanan dipindahkan menurut Perkara 45, Kuasa yang memindahkan dan Kuasa yang menerima pemindahan tersebut hendaklah bersetuju tentang bahagian kos di atas yang akan ditanggung masing-masing.

Peruntukan di atas tidak boleh menjejaskan perjanjian khas yang boleh dimuktamadkan antara Pihak-pihak yang berkonflik tentang pertukaran dan penghantaran pulang rakyat mereka yang berada di tangan musuh.

SEKSYEN V

BIRO MAKLUMAT DAN AGENSI PUSAT

Perkara 136

Biro kebangsaan

Apabila meletusnya suatu konflik dan dalam semua hal pendudukan, setiap Pihak yang berkonflik hendaklah menubuhkan Biro Maklumat rasmi yang bertanggungjawab untuk menerima dan menghantar maklumat tentang orang dilindungi yang berada dalam kekuasaannya.

Setiap Pihak yang berkonflik hendaklah, dalam tempoh yang sesingkat mungkin, memberi Bironya maklumat tentang apa-apa langkah yang diambil olehnya berkenaan dengan mana-mana orang dilindungi yang berada dalam jagaannya untuk lebih daripada dua minggu, yang berada di tempat tinggal yang ditetapkan atau berada dalam tahanan. Selain itu, Pihak tersebut hendaklah menghendaki pelbagai jabatannya yang berkenaan untuk memberikan maklumat kepada Biro tersebut dengan segera tentang orang dilindungi ini, contohnya tentang pemindahan, pembebasan, penghantaran pulang, pelarian diri, kemasukan ke hospital, kelahiran dan kematian mereka.

Perkara 137

Penyampaian maklumat

Setiap Biro negara hendaklah segera menghantar maklumat tentang Orang dilindungi melalui cara terpantas kepada Kuasa-kuasa yang orang tersebut merupakan rakyatnya, atau kepada Kuasa-kuasa di wilayah yang mereka tinggal, melalui pengantaraan Kuasa-kuasa Pelindung dan begitu juga melalui Agensi Pusat yang diperuntukkan bawah Perkara 140. Biro itu juga hendaklah menjawab semua pertanyaan tentang Orang dilindungi yang boleh diterimanya.

Biro Maklumat hendaklah menghantar maklumat tentang seseorang yang dilindungi kecuali jika penghantaran tersebut boleh memudaratkan orang berkenaan atau saudara-maranya. Walaupun dalam hal tersebut, maklumat tidak boleh disembunyikan daripada Agensi Pusat yang, apabila dimaklumkan tentang keadaan itu, akan mengambil langkah berjaga-jaga yang perlu seperti dinyatakan dalam Perkara 140.

Segala komunikasi bertulis yang dibuat oleh mana-mana Biro Maklumat hendaklah disahkan dengan tandatangan atau meterai.

Perkara 138

Butiran yang diperlukan

Maklumat yang diterima oleh Biro negara dan dihantar olehnya hendaklah tersebut sifatnya yang membolehkan usaha mengenal pasti orang dilindungi dengan tepat dan untuk menasihati warisnya dengan segera.

Maklumat tentang setiap orang hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya nama keluarganya, nama-nama pertama, tempat dan tarikh lahir, kerakyatan, tempat tinggal terakhir dan ciri yang membezakan, nama pertama bapa dan nama keluarga ibu, tarikh, tempat dan asas tindakan yang diambil terhadap individu, alamat surat-menyurat untuk orang dilindungi boleh dihantar serta nama dan alamat orang yang akan dimaklumkan.

Begitu juga, maklumat tentang keadaan kesihatan orang tahanan yang sakit tenat atau cedera parah hendaklah diberikan dengan kerap dan jika boleh, setiap minggu.

Perkara 139

Penghantaran barangan peribadi

Setiap Biro Maklumat hendaklah selanjutnya bertanggungjawab untuk mengumpulkan semua barangan peribadi berharga yang ditinggalkan oleh orang dilindungi yang disebut dalam Perkara 136, khususnya, yang dihantar pulang atau dibebaskan, yang melarikan diri atau meninggal dunia; Biro tersebut hendaklah menghantar barangan berharga tersebut kepada mereka yang berkenaan, sama ada secara terus, atau, jika perlu, melalui Agensi Pusat. Barang tersebut hendaklah dihantar oleh Biro Maklumat dalam bungkusan yang dimeterai, yang disertai dengan kenyataan yang memberikan butir yang jelas dan lengkap tentang identiti orang yang memiliki barang itu, dan senarai lengkap kandungan bungkusan itu. Rekod terperinci hendaklah diselenggarakan tentang penerimaan dan penghantaran semua barang tersebut.

Perkara 140

Agensi pusat

Satu Agensi Maklumat Pusat untuk orang dilindungi, khususnya untuk orang tahanan, hendaklah diwujudkan di sebuah negara berkecuali. Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah hendaklah, jika dianggap perlu, mencadangkan kepada Kuasa-kuasa berkenaan, tentang penubuhan Agensi tersebut, yang boleh sama dengan yang diperuntukkan bawah Perkara 123 Konvensyen Geneva tentang Layanan Terhadap Tawanan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

Fungsi Agensi tersebut hendaklah untuk mengumpulkan semua maklumat yang ditetapkan bawah Perkara 136 yang boleh didapati melalui saluran rasmi atau persendirian dan untuk menghantar maklumat tersebut sepantas mungkin ke negara asal atau negara tempat tinggal orang berkenaan, kecuali jika penghantaran tersebut boleh memudaratkan orang berkaitan dengan maklumat tersebut, atau saudara-mara mereka. Agensi Pusat hendaklah menerima daripada Pihak-pihak yang berkonflik semua kemudahan munasabah untuk melaksanakan penghantaran tersebut.

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi, dan khususnya Pihak Pejanji Tertinggi yang mempunyai rakyat yang mendapat manfaat daripada Agensi Pusat, diminta untuk memberi Agensi tersebut bantuan kewangan yang agensi itu perlu.

Peruntukan tersebut hendaklah tidak sekali-kali ditafsirkan sebagai mengehendakan kegiatan kemanusiaan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, atau Persatuan bantuan yang diperihalkan dalam Perkara 142.

Perkara 141

Pengecualian daripada bayaran

Biro Maklumat negara dan Agensi Maklumat Pusat hendaklah menikmati pos percuma bagi semua mel, begitu juga dengan pengecualian yang diperuntukkan bawah Perkara 110, dan selanjutnya, setakat yang boleh, pengecualian daripada caj telegraf atau, sekurang-kurangnya, menikmati pengurangan kadar yang banyak.

BAHAGIAN IV

PELAKSANAAN KONVENSYEN

SEKSYEN 1

PERUNTUKAN AM

Perkara 142

Pertubuhan bantuan dan pertubuhan lain

Tertakluk pada langkah yang Kuasa-kuasa Penahan boleh ambil kira sebagai penting untuk memastikan keselamatan mereka atau untuk memenuhi apa-apa keperluan munasabah yang lain, wakil pertubuhan keagamaan, persatuan bantuan, atau mana-mana pertubuhan lain yang membantu orang dilindungi, hendaklah mendapat daripada Kuasa-kuasa tersebut, bagi mereka sendiri atau bagi ejen bertauliah mereka, semua kemudahan untuk melawat orang dilindungi, mengagihkan bekalan bantuan dan bahan dari mana-mana sumber, yang dimaksudkan untuk tujuan pendidikan, rekreasi atau keagamaan, atau untuk membantu mereka menganjurkan masa lapang mereka di tempat tahanan. Persatuan atau pertubuhan tersebut boleh diperbadankan di wilayah Kuasa Penahan atau di mana-mana negara lain, atau boleh bersifat antarabangsa.

Kuasa Penahan boleh menghadkan bilangan persatuan dan pertubuhan yang ahli delegasi mereka dibenarkan untuk melaksanakan kegiatan di wilayahnya dan bawah pengawasannya, bagaimanapun dengan syarat had tersebut hendaklah tidak menghalang pemberian bantuan yang berkesan dan cukup kepada semua orang dilindungi.

Kedudukan istimewa Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dalam hal ini hendaklah diiktiraf dan dihormati pada setiap masa.

Perkara 143

Penyeliaan

Wakil atau ahli delegasi Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah diberi keizinan untuk melawat semua tempat yang orang dilindungi berada, terutamanya tempat tahanan pentadbiran atau tentera, tahanan kehakiman, dan tempat kerja.

Mereka hendaklah mempunyai capaian ke semua tempat yang orang dilindungi tinggal dan hendaklah boleh menemu bual orang dilindungi tanpa saksi, sama ada secara persendirian atau melalui jurubahasa.

Lawatan tersebut tidak boleh dilarang, kecuali atas alasan keperluan ketenteraan mustahak dan hanya sebagai langkah luar biasa dan sementara dalam keadaan itu. Tempoh dan kekerapan lawatan tersebut hendaklah tidak dihadkan.

Wakil dan ahli delegasi Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk memilih tempat yang hendak dilawati. Kuasa Penahanan atau yang Menduduki, Kuasa Pelindung dan, apabila keadaan memerlukan, Kuasa negara asal orang yang hendak dilawat, boleh bersetuju bahawa rakan senegara orang tahanan hendaklah diizinkan untuk menyertai lawatan tersebut.

Ahli delegasi Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah hendaklah juga menikmati hak mutlak di atas. Pelantikan ahli delegasi tersebut hendaklah diserahkan untuk kelulusan Kuasa yang mentadbir wilayah yang mereka akan laksanakan kewajipan mereka.

Perkara 144

Penyebaran Konvensyen

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi mengaku janji, pada masa aman atau pada masa perang, untuk menyebarkan teks Konvensyen ini seluas mungkin masing-masing di negara mereka, dan khususnya untuk merangkumkan pembelajarannya dalam program tentera, dan, jika boleh, dalam program pengajaran awam supaya prinsip Konvensyen ini diketahui oleh keseluruhan penduduk.

Mana-mana Pihak berkuasa awam, ketenteraan, polis atau yang lain, yang semasa peperangan memikul tanggungjawab berhubung dengan orang dilindungi, mesti memiliki teks Konvensyen dan diajar khusus tentang peruntukannya.

Perkara 145

Penterjemahan. Peraturan pemakaian

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah menyampaikan antara satu sama lain melalui Majlis Persekutuan Switzerland dan, semasa pertempuran, melalui Kuasa-kuasa Pelindung, terjemahan rasmi Konvensyen ini, dan juga undang-undang dan peraturan yang boleh mereka terima pakai untuk memastikan pelaksanaan Konvensyen ini.

Perkara 146

Sekatan jenayah

I. Pemerhatian am

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi mengaku janji untuk menggubal apa-apa undang-undang yang perlu untuk memperuntukkan sekatan jenayah yang berkesan terhadap orang yang melakukan, atau mengarahkan perlakuan apa-apa pelanggaran berat Konvensyen ini seperti yang ditakrifkan dalam Perkara berikut.

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi berkewajipan untuk mencari orang yang didakwa melakukan atau mengarahkan perlakuan pelanggaran berat

tersebut, dan hendaklah membawa orang tersebut, tanpa mengira kerakyatan mereka, ke mahkamahya sendiri. Pihak Pejanji Tertinggi juga boleh, jika mahu, dan menurut peruntukan undang-undangya sendiri, menyerahkan orang tersebut untuk perbicaraan kepada Pihak Pejanji Tertinggi lain yang berkenaan, dengan syarat bahawa Pihak Pejanji Tertinggi itu dapat membuktikan kes *prima facie* terhadap orang itu.

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk menyekat semua perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Konvensyen ini, selain pelanggaran berat yang ditakrifkan dalam Perkara berikut.

Dalam semua keadaan, orang kena tuduh hendaklah mendapat manfaat daripada perlindungan perbicaraan dan pembelaan wajar, yang hendaklah tidak kurang daripada perlindungan bawah Perkara 105 dan perlindungan bawah Konvensyen Geneva tentang Layanan Terhadap Tawanan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

Perkara 147

Pelanggaran berat

Pelanggaran berat berkaitan dengan Perkara terdahulu ialah pelanggaran yang melibatkan mana-mana perbuatan berikut, jika dilakukan terhadap orang atau harta benda yang dilindungi oleh Konvensyen ini: pembunuhan sengaja, penyeksaan atau layanan yang tidak berperikemanusiaan, termasuk uji kaji biologi, menyebabkan penderitaan teruk atau kecederaan parah terhadap tubuh badan atau kesihatan dengan sengaja, pengusiran atau pemindahan atau pengurungan orang dilindungi yang menyalahi undang-undang, memaksa seseorang yang dilindungi untuk berkhidmat dalam angkatan tentera Kuasa bertempur, atau melucutkan dengan sengaja hak orang yang dilindungi daripada perbicaraan yang adil dan biasa yang ditetapkan dalam Konvensyen ini, pengambilan tebusan dan pemusnahan yang meluas dan pengambilan harta, yang tidak berasaskan keperluan ketenteraan dan dilaksanakan dengan salah di sisi undang-undang dan sewenang-wenangnya.

Perkara 148

Tanggungjawab Pihak-pihak Pejanji Tertinggi

Tiada Pihak Pejanji Tertinggi dibenarkan untuk melepaskan dirinya atau mana-mana Pihak Pejanji Tertinggi lain daripada apa-apa liabiliti yang ditanggungnya sendiri atau oleh Pihak Pejanji Tertinggi yang lain tentang pelanggaran yang dirujuk dalam Perkara terdahulu.

Perkara 149

Tatacara siasatan

Atas permintaan sesuatu Pihak yang berkonflik, penyiasatan hendaklah dimulakan, menurut kaedah yang akan diputuskan antara Pihak-pihak yang berkepentingan, bagi sembarang dakwaan pelanggaran Konvensyen ini.

Jika persetujuan tidak dapat dicapai tentang tatacara penyiasatan tersebut, Pihak-pihak tersebut seharusnya bersetuju untuk memilih seorang pengadil yang akan memutuskan tatacara yang akan diikuti. Setelah pelanggaran dibuktikan, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah menamatkan perlakuannya dan mengekangnya dengan secepat mungkin.

SEKSYEN II PERUNTUKAN AKHIR

Perkara 150

Bahasa

Konvensyen ini dibuat dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Kedua-dua teks adalah sama sah.

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah mengaturkan untuk penterjemahan rasmi Konvensyen ini ke dalam bahasa Rusia dan bahasa Sepanyol.

Perkara 151

Tandatangan

Konvensyen ini, yang bertarih hari ini, dibuka untuk ditandatangani hingga 12 Februari 1950, atas nama Kuasa-kuasa yang diwakili semasa Persidangan yang dibuka di Geneva pada 21 April 1949.

Perkara 152

Ratifikasi

Konvensyen ini hendaklah diratifikasikan secepat mungkin dan surat cara ratifikasi hendaklah disimpan di Berne.

Suatu rekod akan dibuat tentang penyimpanan setiap surat cara ratifikasi dan salinan rekod ini yang diakui sah hendaklah dihantar oleh Majlis Persekutuan Swiss kepada semua Kuasa yang menandatangani Konvensyen ini, atau yang penyertaan mereka dimaklumkan.

Perkara 153

Tarikh kuat kuasa

Konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan selepas tidak kurang daripada dua surat cara ratifikasi disimpan.

Selepas itu, Konvensyen ini akan berkuat kuasa bagi setiap Pihak Pejanji Tertinggi enam bulan selepas penyimpanan surat cara ratifikasi.

Perkara 154

Hubungan dengan Konvensyen Hague

Dalam hubungan antara Kuasa-kuasa yang terikat dengan Konvensyen Hague yang menghormati Undang-undang dan Adat Peperangan di Darat, sama ada

yang bertarikh 29 Julai 1899, atau yang bertarikh 18 Oktober 1907, dan yang merupakan Pihak-pihak kepada Konvensyen ini, Konvensyen yang terakhir ini hendaklah melengkapkan Seksyen II dan III Peraturan lampiran kepada Konvensyen Hague tersebut di atas.

Perkara 155

Penyertaan

Dari tarikh mula berkuat kuasanya, dibuka kepada mana-mana Kuasa yang namanya belum ditandatangani pada Konvensyen ini, untuk menyertai Konvensyen ini.

Perkara 156

Pemakluman penyertaan

Penyertaan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Majlis Persekutuan Swiss, dan hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh pemakluman itu diterima.

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah menyampaikan penyertaan itu kepada semua Kuasa yang menandatangani Konvensyen ini, atau yang penyertaan mereka dimaklumkan.

Perkara 157

Kuat kuasa serta-merta

Keadaan yang diperuntukkan dalam Perkara 2 dan 3 hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja surat cara ratifikasi disimpan dan penyertaan dimaklumkan oleh Pihak-pihak yang berkonflik sebelum atau selepas bermulanya permusuhan atau pendudukan. Majlis Persekutuan Swiss

hendaklah menyampaikan melalui kaedah yang paling cepat tentang apa-apa ratifikasi atau penyertaan yang diterima daripada Pihak-pihak yang berkonflik.

Perkara 158

Pemutusan

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi bebas untuk memutuskan diri daripada Konvensyen ini.

Pemutusan tersebut hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Majlis Persekutuan Swiss, yang akan menghantar pemakluman ini kepada Kerajaan semua Pihak Pejanji Tertinggi.

Pemutusan Konvensyen itu hendaklah berkuat kuasa satu tahun selepas pemakluman tersebut kepada Majlis Persekutuan Swiss. Walau bagaimanapun, sesuatu pemutusan yang dimaklumkan pada masa Kuasa yang memutuskan itu terlibat dalam sesuatu konflik hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga keamanan dicapai, dan sehingga selepas operasi berkaitan dengan pembebasan, penghantaran pulang, dan penempatan orang dilindungi bawah Konvensyen ini tamat.

Pemutusan hendaklah berkuat kuasa hanya bagi Kuasa yang memutuskan diri daripada Konvensyen ini. Pemutusan ini sekali-kali tidak menjejaskan kewajipan Pihak-pihak yang berkonflik yang hendaklah terus dipenuhi berdasarkan prinsip undang-undang antarabangsa hasil daripada kelaziman yang wujud dalam kalangan bangsa bertamadun daripada undang-undang kemanusiaan dan mengikut hati nurani awam.

Perkara 159

Pendaftaran dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah mendaftarkan Konvensyen ini dengan Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Majlis Persekutuan Swiss juga hendaklah memberitahu Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu tentang semua ratifikasi, penyertaan dan pembatalan yang diterima olehnya berkenaan dengan Konvensyen ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, penandatangan di bawah, setelah meletakkan kuasa penuh masing-masing, telah menandatangani Konvensyen ini.

DIBUAT di Geneva pada dua belas hari bulan Ogos 1949, dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Naskhah asal hendaklah disimpan di Arkib Konfederasi Swiss. Majlis Persekutuan Swiss hendaklah menghantar salinan yang disahkan bagi Konvensyen ini kepada setiap Negara yang menandatangani dan menyertainya.